**Karnival Olimpik gempak!**

MS 14 & 15

**Skim Sewa Beli bantu rakyat miliki rumah**

MS 7

PERCUMA

JULAI 1-15, 2019

BULETIN MUTIARA

www.buletinmutiara.com | buletinmutiara | ChowKonYeow | chowkonyeow | @ChowKonYeow

# Pulau Pinang No. 1

## RM8.85 bilion pelaburan sektor pembuatan bagi Q1 2019




**KETUA Menteri bersama-sama barisan kepimpinan Kerajaan Negeri menunjukkan salinan statistik pelaburan Q1 2019 Pulau Pinang pada majlis sidang media di sini baru-baru ini.**

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**

**GEORGE TOWN -** RM8.85 bilion nilai pelaburan bagi sektor pembuatan yang direkodkan ke Pulau Pinang bagi tempoh Januari hingga Mac tahun ini (Q1 2019) berada di kedudukan teratas berbanding negeri-negeri lain di Malaysia.

Memetik sumber Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA), bagi Q1 2019 Pulau Pinang juga berjaya menarik RM8.47 bilion pelaburan langsung asing (FDI).

"(Kejayaan ini adalah) kombinasi peluang dalam meningkatkan rantaian bekalan, (Pulau Pinang) sebagai tempat berhimpunnya guna tenaga buruh berbakat, infrastruktur yang sangat bagus dan sokongan kerajaan terhadap sektor perkhidmatan (membabitkan kepentingan) pelabur demi menjadikan Pulau Pinang sebagai destinasi pilihan utama pelaburan.

"Tanpa mengira sama ada Amerika Syarikat dan Republik Rakyat China akan terus saling berunding dalam perang (tarif) ini, sektor korporat perlu ada strategi untuk mempelbagaikan rantaian bekalan bagi sektor pembuatan masing-masing bagi mengelakkan daripada menjadi mangsa antara pertembungan dua gergasi perdagangan serta teknologi dalam tempoh beberapa tahun kebelakangan ini.

"Rantaian bekalan global yang telah sedia ada turut dirombak semula, dan Pulau Pinang perlu memposisikan semula kedudukannya dengan melihat peluang yang ada di sebalik perubahan struktur ini," jelas Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow yang juga Exco Hal Ehwal Tanah dan Pembangunan Tanah, Pengangkutan dan Komunikasi dalam sidang media di sini pada 12 Jun 2019.

Hampir semua Exco Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang menyertai sidang media tersebut.

*(Rujuk juga muka 4).*

**Projek-projek yang diluluskan di Pulau Pinang, Januari - Mac 2019 ; Januari - Disember 2018**

| Negeri | Jan - Mac 2019 | | | | 2018 | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | Bil. | Pelaburan Domestik (RM juta) | Pelaburan Asing (RM juta) | Jumlah Pelaburan Modal (RM juta) | Bil. | Pelaburan Domestik (RM juta) | Pelaburan Asing (RM juta) | Jumlah Pelaburan Modal (RM juta) |
| No.1 Pulau Pinang | 41 | 376.2 | 8,472.6 | 8,848.9 | 108 | 2,087.6 | 3,693.4 | 5,781.0 |
| Kedah | 10 | 187.4 | 7,398.6 | 7,586.0 | 41 | 759.5 | 1,626.8 | 2,386.3 |
| Johor | 34 | 1,424.6 | 1,005.4 | 2,430.0 | 144 | 6,474.6 | 24,040.1 | 30,514.7 |
| Selangor | 75 | 954.1 | 567.5 | 1,521.6 | 241 | 8,110.4 | 10,837.0 | 18,947.4 |
| Perak | 13 | 585.1 | 849.0 | 1,434.1 | 37 | 949.1 | 937.8 | 1,886.9 |
| Sarawak | 5 | 218.9 | 1,043.9 | 1,262.8 | 11 | 6,400.6 | 2,259.1 | 8,659.7 |
| Pahang | 11 | 722.4 | 244.6 | 967.0 | 15 | 456.5 | 7,571.9 | 8,028.4 |
| Sabah | 3 | 527.3 | 126.7 | 654.0 | 13 | 181.4 | 45.9 | 227.3 |
| Negeri Sembilan | 12 | 138.0 | 412.5 | 550.6 | 40 | 826.4 | 1,604.4 | 2,430.8 |
| Terengganu | 3 | 11.7 | 50.0 | 61.8 | 11 | 320.9 | 4,582.5 | 4,903.4 |
| Perlis | 1 | 0.0 | 53.3 | 53.3 | 1 | 8.0 | 0.0 | 8.0 |
| W.P. Kuala Lumpur | 3 | 17.4 | 0.0 | 17.4 | 10 | 141.4 | 25.6 | 167.1 |
| Kelantan | 1 | 5.8 | 0.0 | 5.8 | 6 | 76.7 | 24.6 | 101.2 |
| Melaka | 2 | 3.2 | 2.1 | 5.3 | 42 | 2,479.3 | 773.1 | 3,252.4 |
| W.P. Labuan | - | - | - | - | 1 | 81.0 | 0.0 | 81.0 |
| TOTAL | 214 | 5,172.2 | 20,226.3 | 25,398.5 | 721 | 29,353.5 | 58,022.1 | 87,375.6 |

**Sumber: MIDA.**

# Perhatian Persekutuan bangunkan ekonomi Pulau Pinang amat dialu-alukan – Ketua Menteri

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **NUR AFIQAH ZAINUDI**



KETUA Menteri bersama-sama Mohamed Azmin Ali (duduk, tengah) dan Dr. Afif Bahardin (duduk, kiri sekali) menjamu sajian 'istimewa' pada Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri Dewan Undangan Negeri Seberang Jaya di sini baru-baru ini.

**SEBERANG JAYA** - Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata bahawa Kerajaan Negeri amat mengalu-alukan perhatian daripada Kerajaan Persekutuan untuk membangunkan ekonomi negeri ini.

Beliau menegaskan bahawa Pulau Pinang juga akan sentiasa memainkan peranan supaya pembangunan ekonomi khususnya, bakal menarik pelaburan asing dalam sektor pembuatan yang seterusnya dapat mewujudkan peluang pekerjaan serta menambah urus niaga perdagangan sedunia serta serantau.

"Saya mengucapkan terima kasih kepada Menteri Hal Ehwal Ekonomi, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali yang berkesempatan meninjau negeri Pulau Pinang dengan lebih dekat.

"Malah, saya juga difahamkan bahawa Menteri telah menyuarakan hasrat bagaimana Kerajaan Persekutuan dan Negeri dapat menggembleng tenaga serta sumber bersama untuk memajukan lagi pembangunan sosioekonomi Pulau Pinang yang akan menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara," ucapnya pada Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri anjuran Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya, Dr. Afif Bahardin di sini 16 Jun lalu.

Majlis turut dimeriahkan dengan kehadiran isteri Ketua Menteri, Puan Tan Lean Kee; Menteri Hal Ehwal Ekonomi, Mohamed Azmin; Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman; ADUN-ADUN; Ahli-ahli Parlimen; barisan Ahli Majlis bagi Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) serta barisan tetamu undangan khas lain.

Dalam pada itu, Afif dalam ucapannya memberitahu bahawa Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri Seberang Jaya kali ini menampilkan sedikit kelainan iaitu bukan saja menghidangkan makanan dan minuman yang lazat, tetapi juga menyediakan reruai-reruai dari agensi-agensi Kerajaan Negeri seperti Jabatan Pertanian, Jabatan Perkhidmatan Veterinar serta perbagai lagi pihak terlibat.

"Justeru, diharapkan agar penganjuran rumah terbuka seperti ini dapat memupuk dan mengeratkan lagi ukhuwah antara agensi-agensi terlibat dengan masyarakat umum.

"Ikatan perpaduan yang kukuh ialah insurans untuk kemajuan sesebuah organisasi dan masyarakat, manakala interaksi silang budaya dalam majlis seperti ini adalah amat besar ertinya terhadap kehidupan yang harmoni," ujarnya.









Oleh: **AZMI HUSSIN**

# Program dan dasar Negeri disesuai ikut kehendak, kebajikan serta impian warga Pulau Pinang

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**PANTAI JEREJAK -** Corak dan cara sambutan rumah terbuka yang berbeza-beza mengikut perayaan menjadi faktor penarik utama penyatuan keluarga dan keakraban masyarakat di Pulau Pinang.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata, secara peribadinya beliau merasakan penganjuran rumah terbuka yang dianjurkan di negeri ini mempunyai keistimewaannya tersendiri.

"Konsep rumah terbuka yang telah diamalkan dan menjadi trend akan terus digunakan sebagai medium perantara bagi menyuburkan semangat perpaduan dan merapatkan jurang yang mungkin wujud selama ini.

"Simboliknya, amalan sebegini akan terus digunakan sebagai medan pertemuan yang paling kukuh dan padu.

"Atas sebab itu, melalui pelaksanaan visi *Penang2030 : A Family-focused Green and Smart State that Inspires the Nation*, Kerajaan Negeri dari awalnya telah menyedari bahawa keluarga adalah unit asas yang penting dalam pembentukan masyarakat dan seterusnya mewujudkan sistem sokongan yang kukuh dalam pembangunan serta pentadbiran negeri," ucapnya pada Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri 2019 di sini 26 Jun lalu.

Buat julung kalinya, sambutan rumah terbuka tahun ini menampilkan kelainan apabila Kerajaan Negeri telah menggabungkan dua acara penting dalam kalendar negeri iaitu Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri Yang di-Pertua Negeri (TYT) dan Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri Kerajaan Negeri dalam satu majlis.



**PARA jemputan dan hadirin bersalaman menyambut kehadiran Dr. Abdul Rahman Abbas pada Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri TYT dan Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri Kerajaan Negeri di sini baru-baru ini.**

Menyerikan majlis sambutan adalah kehadiran Yang di-Pertua Negeri (TYT), Tun Dr. Abdul Rahman Abbas dan isteri, Toh Puan Majimor Shariff di majlis berkaitan.

Hadir sama, Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang, Dato' Law Choo Kiang dan isteri; Dato' Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman (Timbalan Ketua Menteri I); Prof. Dr. P. Ramasamy (Timbalan Ketua Menteri II) dan Dato' Seri Farizan Darus (Setiausaha Kerajaan Negeri).

Mengulas lanjut mengenai perancangan dan fokus Kerajaan Negeri, Kon Yeow yang juga Exco Hal Ehwal Tanah & Pembangunan Tanah, Pengangkutan dan Komunikasi menyatakan bahawa memasuki tahun ke-11 memegang tampuk pemerintahan Pulau Pinang, Kerajaan Negeri akan memastikan 1.77 juta warga negeri akan terus dapat menikmati kehidupan yang lebih baik.

"Terutamanya daripada segi kos sara hidup, kebajikan, kehidupan sosial serta kestabilan politik dan perpaduan kaum.

"Program dan dasar yang sedang, akan dan telah direncana akan disesuaikan mengikut kehendak, kebajikan serta impian rakyat negeri ini tanpa mendiskriminasikan mana-mana kaum atau kawasan.

"Semoga nilai harmoni dan positif yang wujud dalam diri setiap daripada kita akan terus kekal dan sentiasa terpelihara daripada anasir-anasir yang sentiasa mencari ruang untuk merosakkan keamanan serta kesejahteraan yang terpelihara ini," ujarnya.

## Hotayi tambah pelaburan RM1 bilion di Batu Kawan

**BUKIT TAMBUN –** Syarikat elektronik terkemuka dari Taiwan, Hotayi Electronic (M) Sdn. Bhd. (Hotayi) menambah pelaburan sebanyak RM1 bilion bagi pembesaran kilang pembuatannya di Pulau Pinang.

Berkeluasan 350,000 kaki persegi (kp), kilang baharu itu dilengkapi dengan teknologi terkini seiring dengan perkembangan Revolusi Industri 4.0 serta mempunyai sistem penjimatan tenaga bagi mengurangkan kesan jejak karbon.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow ketika berucap menzahirkan penghargaan kepada Hotayi kerana memilih untuk menambah pelaburan di negeri ini seperti beberapa syarikat global lain.

"Saya dimaklumkan bahawa Hotayi telah membawa teknologi terkini pembuatan plat kenderaan serta lain-lain teknologi seperti sistem pengecaman wajah, penuaian air hujan dan sistem pengurusan bangunan dalam reka bentuk fasilitinya," ucapnya pada majlis perasmian fasiliti baharu Hotayi di Batu Kawan dekat sini 15 Jun lalu.

Mengulas lanjut, Kon Yeow berkata bahawa statistik Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) terkini menunjukkan Pulau Pinang berjaya menarik pelaburan berjumlah RM8.8 bilion daripada jumlah pelaburan pembuatan yang diluluskan bagi suku pertama tahun ini (Januari hingga Mac 2019).

"Bukan itu sahaja, Pulau Pinang juga menjadi peneraju dalam pelaburan langsung asing (FDI), menyumbang 42 peratus daripada keseluruhan FDI dalam sektor pembuatan bagi suku pertama tahun ini, berbanding negeri-negeri lain di Malaysia.

"Saya juga memuji Hotayi kerana seiring dengan visi *'Penang2030 : A Family-focused Green and Smart State that Inspires the Nation'* dalam profil dan prinsip perniagaannya.

"Langkah ini sekaligus seiring dengan visi Kerajaan Negeri untuk meningkatkan taraf ekonomi dengan menambah baik pendapatan isi rumah melalui kesediaan industri pembuatan di negeri ini berdepan era digital dan ekonomi hijau," jelasnya.

Dalam pada itu, Menteri Kewangan, Lim Guan Eng yang turut berucap pada majlis berkaitan memberitahu bahawa dengan pembesaran fasiliti baharu, Hotayi bakal menambah bilangan pekerja sedia ada, 850 kakitangan kini.

"Hotayi mengambil langkah berani dengan membuat pelaburan tambahan di sini untuk menjadi rakan kongsi strategik dalam sektor pembuatan pintar di rantau ASEAN.

"Hotayi juga secara aktif menggembleng tenaga kerja berkemahiran teknikal selaras dengan dasar kebangsaan *'Industry4WRD'* yang membolehkan sektor perkilangan mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan bergaji tinggi untuk rakyat Malaysia," katanya.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang, Dato' Law Choo Kiang; wakil Pejabat Ekonomi dan Kebudayaan Taipei, Anne Hung; Pengerusi Hotayi Malaysia, Datuk Lee Hun Lung; Pengarah Urusan Hotayi Malaysia, Goh Guek Eng dan Ketua Pegawai Eksekutif invest Penang, Dato' Loo Lee Lian antara kenamaan yang hadir.

Turut sama, Yang di-Pertua Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Dato' Sr. Rozali Mohamud dan Datuk Bandar Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Dato' Ar. Yew Tung Seang serta barisan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) serta wakil agensi-agensi negeri dan Persekutuan.

Hotayi yang bertapak di Taman Perindustrian Bukit Tengah, Bukit Mertajam sejak tahun 1992, menawarkan perkhidmatan dalam pembuatan elektronik ke seluruh dunia.

## Kod promosi *Penang2030*, konsultasi klinik dalam talian *DoctorOnCall* percuma

**GEORGE TOWN -** *DoctorOnCall* ialah klinik perkhidmatan dalam talian yang menawarkan perkhidmatan konsultasi doktor bertauliah mengenai penyakit-penyakit lazim seperti batuk, selesema, demam dan sebagainya, serta khidmat penghantaran langsung ubat kepada pengguna.



**KETUA Menteri bersama-sama Dr. Afif Bahardin (tiga dari kanan) serta barisan kepimpinan Kerajaan Negeri lain menyempurnakan demonstrasi perkhidmatan *DoktorOnCall* pada majlis sidang media di sini baru-baru ini.**

Mengulas lanjut, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata bahawa kerjasama strategik antara Kerajaan Negeri dan firma berkaitan adalah selari dengan wawasan *Penang2030* yang memberi fokus kepada meningkatkan daya huni serta kualiti hidup rakyat termasuk golongan isi rumah berpendapatan 40 peratus paling rendah (B40) dalam mendapatkan akses perkhidmatan kesihatan berkualiti.

"Maka, amat jelas bahawa perkhidmatan kesihatan *DoktorOnCall* adalah bagi memudahkan pesakit-pesakit mengakses konsultasi daripada doktor dan juga perkhidmatan penghantaran ubat-ubat setelah doktor mendapat makluman tentang keadaan (tahap kesihatan) seseorang yang menggunakan perkhidmatan ini," jelasnya dalam sidang media promosi perkhidmatan *DoktorOnCall* di sini pada 12 Jun 2019.

Bercakap pada sidang media sama, Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin memberitahu bahawa pihak *DoctorOnCall* menghubungi pihak Kerajaan Negeri demi memperluaskan jaringan perkhidmatan klinik dalam talian sebagaimana yang telah dilaksanakan di tiga negeri lain sebelum ini.

"Dengan kod promosi *Penang2030*, maka promosi *(DoctorOnCall)* ini dilancarkan untuk seluruh rakyat Pulau Pinang, dan boleh mendapatkan konsultasi daripada doktor perubatan secara percuma serta seterusnya memberi ubat-ubatan dengan kadar (harga) yang rendah.

"Maksud memberi ubatan ini adalah *DoctorOnCall* sendiri telah mengatur kerjasama dengan beberapa rangkaian farmasi yang mana mereka ini akan menghantar ubat-ubatan diperlukan oleh pesakit selepas mendapatkan konsultasi doktor.

"*(DoctorOnCall)* ini akan menambah lagi rangkaian capaian perkhidmatan kesihatan untuk seluruh rakyat Pulau Pinang," ujarnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya.

Pada sidang media sama, Kon Yeow bersama-sama Afif turut membuat demonstrasi menghubungi seorang doktor bertauliah yang berdaftar dengan Majlis Perubatan Malaysia, menerusi portal *www.DoctorOnCall.com.my*.

Hampir semua Exco Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang turut menyaksikan demonstrasi ringkas kaedah aplikasi *DoctorOnCall*.

Difahamkan, menerusi portal itu, pelanggan boleh saling berinteraksi dengan doktor secara panggilan video, panggilan suara atau teks mesej.

Info lanjut, hubungi +60384082000.

# Semua hasil pembangunan bakal dinikmati warga negeri

Gambar : **ADLEENA RAHAYU AHMAD RADZI**

**BATU MAUNG -** Pencapaian Pulau Pinang yang mendahului dalam jumlah keseluruhan pelaburan sektor pembuatan negara pada suku pertama tahun ini adalah hasil dorongan dan kepercayaan Kerajaan Persekutuan, ujar Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow.

Menurut Kon Yeow, pelaburan sektor pembuatan berjumlah RM8.8 bilion pada suku pertama 2019 bagi Pulau Pinang sekaligus menjadikan negeri sebagai penyumbang tertinggi dalam negara setakat ini.

"Ia adalah angka yang amat memberangsangkan... saya ingin rakamkan terima kasih kepada Kerajaan Persekutuan khususnya Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri Malaysia (MITI), Kementerian Kewangan Malaysia dan Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) kerana membantu memperkenal serta menonjolkan Pulau Pinang sebagai destinasi pelaburan dalam kalangan pelabur.

"Terima kasih kerana melihat potensi Pulau Pinang yang merupakan sebuah negeri industri," ucapnya di Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri Dewan Undangan Negeri (DUN) Batu Maung dekat sini 16 Jun lalu.



KETUA Menteri bergambar kenangan bersama-sama Abdul Halim Hussain (duduk, tiga dari kanan), barisan kepimpinan Kerajaan Negeri dan dif-dif jemputan pada Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri DUN Batu Maung di sini baru-baru ini.

Kehadiran barisan pemimpin serta rakyat pelbagai kaum dan agama disambut penuh mesra oleh tuan rumah yang juga Exco Perdagangan Antarabangsa & Dalam Negeri, Hal Ehwal Pengguna dan Pembangunan Keusahawanan, Dato' Abdul Halim Hussain serta isteri.

Turut menyerikan majlis, Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman; Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani merangkap Ahli Parlimen Bayan Baru, Sim Tze Tzin; ADUN-ADUN dan lain-lain.

Mengulas lanjut, Kon Yeow yang juga Exco Hal Ehwal Tanah & Pembangunan Tanah, Pengangkutan dan Komunikasi berjanji bahawa semua hasil pembangunan akan dinikmati oleh semua warga negeri.

Menurutnya, pembangunan tidak akan memberi sebarang makna jika ianya tidak dapat dinikmati oleh rakyat kebanyakan.

"Kerajaan Negeri memang sentiasa peka bahawa hasil pembangunan semestinya dinikmati oleh rakyat, jika rakyat tidak dapat nikmatinya apa tujuan kita melaksanakan pembangunan.

"Kita (Kerajaan Negeri) akan terus tunaikan kewajipan kepada rakyat secara jujur, ikhlas dan telus dalam membawa urus tadbir baik serta mendapatkan lebih banyak limpahan projek yang memberi faedah kepada rakyat.

"Kita akan pastikan hubungan sosial, pendidikan, agama semuanya mendapat perhatian sewajarnya serta pihak Kerajaan Negeri akan meneruskan semua program-program sosial yang telah diperkenalkan sejak tahun 2008," ujar beliau lanjut.

## Naik taraf HPP Fasa 2 selesai

**GEORGE TOWN –** Projek naik taraf Dewan Bedah Hospital Pulau Pinang (HPP) yang telah siap sepenuhnya diharap mampu memendekkan tempoh menunggu bagi rawatan pembedahan buat pesakit.

Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin berkata, dengan siapnya projek Fasa 2 tersebut, kes-kes yang sebelum ini dihantar ke hospital lain dapat dirujuk semula oleh HPP.



DR. Afif Bahardin (tengah) memeriksa salah satu peralatan di dewan bedah yang dinaik taraf pada lawatan khas bertarikh 22 Mei lalu di sini.

"Sebelum ini, ekoran ada masalah kerja naik taraf di dewan bedah, pesakit telah dirujuk ke Hospital Seberang Jaya, Hospital Kepala Batas mahupun Hospital Bukit Mertajam untuk rawatan lanjut, tetapi kini operasi perkhidmatan ini akan berjalan semula seperti sedia-kala.

"Dengan siapnya dewan bedah ini, diharap tempoh menunggu untuk pesakit yang perlu menjalani pembedahan dapat dipendek serta dicepatkan," ujarnya kepada pemberita pada Majlis Penyerahan Naik Taraf HPP Fasa 2 di sini 13 Jun lalu.

Terdahulu, majlis penyerahan siap kerja dilakukan oleh syarikat kontraktor dilantik, Fadzill Construction Sdn. Bhd. kepada Kementerian Kerja Raya (KKR) dan Kementerian Kesihatan (KKM).

Hadir sama, wakil daripada KKR, KKM dan pihak kontraktor serta beberapa kakitangan pengurusan HPP.

Projek Naik Taraf HPP Fasa 2 tersebut merangkumi lima skop utama iaitu kerja naik taraf *medical gas*, sistem penyaman udara Fasa 2 di Blok B, naik taraf dewan bedah dan sistem penyaman udara, pembinaan tapak tangki *Oxygen Vacuum Insulated Evaporator* dan naik taraf bangunan rawatan *intensive pediatric* (PICU).

Terdahulu, Afif yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya memberitahu bahawa projek naik taraf HPP Fasa 2 berkenaan terpaksa dilanjutkan ekoran terdapat pertambahan skop kerja di dewan bedah berkaitan.

"Sebelum ini, projek terpaksa dilanjutkan masa ekoran terdapat sedikit masalah di dewan bedah kerana sepanjang tempoh projek berjalan ada pertambahan skop kerja yang perlu dilakukan.

"Ini berkaitan soal keselamatan di dewan bedah berkenaan yang mana kerja-kerja perlindungan radiasi perlu dilaksanakan," jelasnya.

## Sokongan semua pihak amat diperlukan bagi mencapai visi *Penang2030*

**PERAI -** Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata bahawa peranan Kerajaan Negeri sahaja adalah tidak mencukupi untuk mencapai visi *Penang2030*, sebaliknya ia memerlukan sokongan semua pihak.

Menurut beliau, visi yang mengandungi empat teras utama dan 16 inisiatif strategik memfokuskan kekeluargaan itu akan menjadi panduan kepada Kerajaan Negeri dalam merangka pembangunan menyeluruh serta memastikan mutu kehidupan rakyat semakin meningkat.

"Visi *Penang2030* akan menjadi panduan kepada Kerajaan Negeri bersama-sama rakyat untuk menuju ke tahap pembangunan yang menyeluruh bukan sahaja daripada segi ekonomi tetapi juga dalam bidang sosial, agama, budaya selain memastikan mutu kehidupan kian meningkat.

"Kalau boleh kita (Kerajaan Negeri) tidak mahu lagi melihat rakyat di negeri ini hidup dalam kepompong kemiskinan.

"Justeru, kerjasama semua pihak termasuk Kerajaan Persekutuan, agensi kerajaan, syarikat korporat, badan-badan bukan kerajaan (NGO) dan juga masyarakat amat diperlukan untuk mencapai visi ini," ucapnya pada Majlis Rumah Terbuka Hari Raya dan Sambutan Ulang Tahun Ke-25 restoran rangkaian Nasi Kandar Pelita di sini 22 Jun lalu.

Hadir memeriahkan majlis adalah Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy; Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, Phee Boon Poh; Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin dan Mufti Pulau Pinang Sahibus Samahah Dato' Seri Dr. Wan Salim Wan Mohd. Noor.

Pengerusi Eksekutif Pelita Samudra Pertama (M) Sdn. Bhd. (Pelita), Datuk Shamsuri Ahmad; Pengarah Urusan Pelita Tan Sri Datuk Ramesh; Ahli-ahli Lembaga Pengarah Pelita Samudra Pertama (M) Sdn. Bhd.; Ketua Polis Negeri Pulau Pinang, Datuk T. Narenasagaran serta dif-dif kehormat yang lain turut hadir memeriahkan majlis.

Mengulas lanjut, Kon Yeow menjelaskan bahawa kerjasama antara semua pihak penting dalam usaha membentuk masyarakat saling memahami dan bersatu-padu seperti mana dilaksanakan syarikat Pelita yang tidak pernah gagal menganjurkan program tanggungjawab sosial korporat sempena Hari Raya Aidilfitri setiap tahun.

"Diharapkan rangkaian Nasi Kandar Pelita akan terus maju sebagai sebuah syarikat yang bermula secara kecil-kecilan dan kini berkembang dengan mempunyai 28 cawangan di seluruh negara.

"Usaha ini diharap dapat menjadi contoh kepada kita semua untuk sama-sama mencapai kecemerlangan dalam apa jua perkara yang dilakukan," ujarnya.

Pada majlis itu juga, sebanyak 1,000 hamper diagihkan kepada penerima yang layak selain sumbangan RM100,000 yang diagihkan kepada 31 sekolah terpilih di negeri ini.

# RM3 juta bantuan selenggara 170 SK, SMK

**GEORGE TOWN -** Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang buat julung kalinya mengumumkan agihan peruntukan tahunan untuk kerja-kerja menyelenggara 170 sekolah kebangsaan (SK) dan sekolah menengah kebangsaan (SMK) di negeri ini.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata, pentadbirannya komited untuk saling bekerjasama dengan Kerajaan Persekutuan hari ini dalam meningkatkan kualiti sekolah-sekolah bantuan penuh kerajaan.

"Mulai tahun ini (2019), Kerajaan Negeri akan memainkan peranannya dan menghulurkan peruntukan yang sewajarnya kepada SK (Sekolah Kebangsaan) dan SMK (Sekolah Menengah Kebangsaan) juga," jelasnya dalam Majlis Penyampaian Sumbangan Kepada SK dan SMK Negeri Pulau Pinang di sini pada 17 Jun 2019.

Turut berucap, Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy yang juga Exco Perancangan Ekonomi Negeri, Pendidikan, Pembangunan Modal Insan dan Sains, Teknologi & Inovasi serta Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri, Dr. Mahanom Mat Sam.

Hadir sama, Exco Perdagangan Antarabangsa & Dalam Negeri, Hal Ehwal Pengguna dan Pembangunan Keusahawanan, Dato' Abdul Halim Hussain yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Maung dan Teh Lai Heng (Setiausaha Politik kepada Ketua Menteri merangkap ADUN Komtar.

Turut serta, ADUN Sungai Pinang, Lim Siew Khim; Lee Khai Loon (ADUN Machang Bubuk); Ong Ah Teong (ADUN Batu Lancang); Azrul Mahathir Aziz (ADUN Bayan Lepas); Lee Chun Kit (ADUN Pulau Tikus); Zolkifly Md. Lazim (ADUN Teluk Bahang); A. Kumaresan (ADUN Batu Uban) dan Joseph Ng Soon Siang (ADUN Air Itam).

Tambah Kon Yeow, Kerajaan Negeri tiap-tiap tahun sejak 11 tahun lalu menyalurkan bantuan




**KETUA Menteri merakam gambar kenangan bersama-sama barisan kepimpinan Kerajaan Negeri, barisan jemputan dan para penerima pada Majlis Penyampaian Sumbangan Kepada SK dan SMK Negeri Pulau Pinang di sini baru-baru ini.**

pendidikan berjumlah RM1.75 juta kepada sekolah Agama Rakyat (SAR); sekolah Mubaligh dan Cina (RM8.5 juta) serta sekolah-sekolah Tamil (RM1.75 juta)

Dalam pada itu, Ramasamy menyatakan pihaknya dimaklumkan bahawa dana yang diperuntukan oleh Kementerian Pendidikan adalah tidak mencukupi, walaupun SK dan SMK adalah institusi pendidikan yang mendapat bantuan penuh daripada Kerajaan Persekutuan.

"Walaupun sekolah-sekolah ini adalah sekolah mendapat bantuan penuh Kerajaan (Persekutuan), masih terdapat banyak sekolah memerlukan dana untuk melaksanakan kerja-kerja pembaikan struktur pada kadar segera.

"Saya difahamkan bahawa dana yang diterima daripada Kementerian Pendidikan adalah tidak mencukupi.

"Saya pun telah membawa isu ini kepada perhatian Exco dalam Mesyuarat Kerajaan Negeri, dan Ketua Menteri Pulau Pinang (untuk mendapatkan peruntukan berwajib," ujarnya yang juga ADUN Perai.

Lanjutan itu, Ramasamy turut merakamkan penghargaan atas kerjasama Jabatan Pendidikan Negeri serta inisiatif Kon Yeow yang segera meluluskan permohonan peruntukan berwajib.

Serentak itu, Mahanom merakamkan penghargaan atas kecaknaan Kerajaan Negeri hari ini dalam membantu Jabatan Pendidikan Negeri melaksanakan kerja-kerja memperbaiki infrastruktur fizikal sekolah-sekolah bantuan penuh kerajaan.

"Walaupun dengan peruntukan (tahunan sebanyak RM3 juta) ini, kita sedia maklum adalah tidak akan boleh menyelesaikan segala masalah berkaitan projek-projek pulihara infrastruktur serta prasarana sekolah, namun, Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang amat bersyukur.

"Sekurang-kurangnya peruntukan (RM3 juta) itu telah memberi manfaat langsung kepada 170 sekolah yang dirancang," katanya sambil menyeru semua warga pendidik agar terus menghayati Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

## Pulau Pinang sokong tuntutan Kerajaan Negeri Kedah berlandaskan komitmen gazetkan Ulu Muda

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **ALVIE CHENG**

**GEORGE TOWN –** Pulau Pinang melalui Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) mengulangi pendirian menyokong tuntutan bayaran pampasan Kerajaan Negeri Kedah daripada Pusat ke arah inisiatif mengazetkan Hutan Simpan Ulu Muda sebagai kawasan tadahan.

Bagaimanapun, Ketua Pegawai Eksekutif PBAPP, Dato' Ir. Jaseni Maidinsa menyatakan bahawa sokongan tersebut adalah perlu berlandaskan komitmen Kerajaan Negeri Kedah untuk mewartakan Hutan Simpan Ulu Muda.

Menurutnya, buat masa kini, Menteri Besar (Datuk Seri Mukhriz Mahathir) cuma bercakap mengenai pemberhentian pembalakan, namun pihaknya menekankan perlunya menggazetkan (Ulu Muda).

"Isu utama ialah perlu menggazetkan Ulu Muda sebagai kawasan tadahan, jadi dari situ ianya boleh melindungi kawasan tersebut daripada pembalakan di masa hadapan.

"Jika tidak digazetkan, sekarang cuma hentikan pembalakan, sekiranya masa hadapan Menteri Besar baharu dilantik, kemungkinan pembalakan boleh dijalankan semula.

"Oleh sebab itu, saya mahu kawasan tadahan (Ulu Muda) digazetkan… Kerajaan Negeri dan PBAPP menyokong 100 peratus untuk Kedah diberi pampasan dengan berlandaskan komitmen pewartaan berkaitan," tegas beliau dalam satu sidang media sejurus Majlis Hari Keluarga Untuk Kontinjen Juara Kebangsaan PBAPP di sini 22 Jun lalu.

Pada majlis tersebut, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow hadir menyampaikan sijil kemenangan kepada 80 ahli Kontinjen Juara Kebangsaan PBAPP sempena Hari Pekerja 1 Mei lalu di Putrajaya.

Mengulas mengenai pembayaran pampasan berkenaan, Jaseni mencadangkan agar Kerajaan Persekutuan menggunakan sebahagian cukai di tiga negeri sebanyak RM18 bilion untuk membiayai pampasan kepada Kedah.



**KETUA Menteri dan Ir. Jaseni Maidinsa merakam gambar kenangan sambil menjulang piala dimenangi pada Majlis Hari Keluarga Untuk Kontinjen Juara Kebangsaan PBAPP di sini baru-baru ini.**

Serentak dalam sidang media sama, Jaseni turut memberitahu bahawa projek Skim Penyaluran Air Mentah Sungai Perak (SPRWTS) kini dalam peringkat kajian komprehensif oleh konsultan dilantik Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli.

Maklumnya, kajian tersebut dijangka mengambil masa selama sembilan bulan.

"Selepas kajian siap, kita akan meneliti semula dan Kerajaan Negeri sememangnya berharap projek ini dilaksanakan secepat mungkin berikutan pada tahun 2025, fasa satu (SPRWTS) perlu disiapkan.

"Ini kerana selepas tahun 2025, permintaan untuk air mentah dijangkakan tidak lagi dapat dipenuhi oleh Sungai Muda," jelas beliau.

Ditanya mengenai tarif air, Jaseni menyatakan bahawa pihaknya kini menunggu pembentangan pihak Kementerian kepada kabinet berikutan mekanisme tarif sebelum ini adalah daripada Kerajaan Persekutuan terdahulu.

## Terima mandat rakyat, kewajipan wakil rakyat beri perkhidmatan terbaik

**BATU LANCANG -** Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow inginkan Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pakatan Harapan (PH) di Pulau Pinang supaya bersaing secara sihat dalam menyampaikan perkhidmatan kepada rakyat.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Sambutan Rumah Terbuka Hari Raya Aidilfitri Anjuran Bersama Parlimen Jelutong/Dewan Undangan (DUN) Batu Lancang dekat Rumah Pangsa Jalan Kurau di sini 15 Jun lalu.

"Wakil rakyat perlu rajin bersaing membawa projek (pembangunan) ke kawasan masing-masing, menjadi perantara antara rakyat dengan kerajaan dan bersaing memastikan rakyat jelata menikmati pembangunan di kawasan masing-masing.

"Wakil rakyat telah menerima mandat daripada rakyat jelata, justeru adalah menjadi kewajipan wakil rakyat untuk memberi perkhidmatan terbaik di kawasan masing-masing.

"Selain itu, wakil rakyat juga perlu menjadi perantara antara rakyat dengan kerajaan dan kerajaan dengan rakyat supaya segala permasalahan rakyat dapat dibawa kepada perhatian dua pihak.

"Malah, apa juga dasar serta undang-undang kerajaan dapat disampaikan kepada rakyat sehingga ke akar umbi melalui jentera-jentera kerajaan," ujarnya yang juga ADUN Padang Kota.

Hadir sama, tuan rumah iaitu ADUN Batu Lancang, Ong Ah Teong; ADUN Sungai Pinang, Lim Siew Khim; Ahli Parlimen Jelutong; R.S.N. Rayer dan Pengerusi Surau Nurul Ehsan, Rahim Omar.

Ah Teong dan Rayer ketika berucap turut memberikan laporan projek-projek yang sudah, sedang dan akan dilaksanakan di DUN Batu Lancang.

Dalam memeriahkan sambutan Aidilfitri yang masih terasa, Kon Yeow merangkap Ahli Parlimen Tanjong turut menyantuni kanak-kanak sekitar majlis dengan menyampaikan sumbangan duit raya.

# Pulihara infrastruktur uzur SK Sungai Nyior akan diberi keutamaan

**SUNGAI DUA -** Menteri Kewangan, Lim Guan Eng bertekad memberi keutamaan kepada usaha baik pulih Sekolah Kebangsaan (SK) Sungai Nyior yang mana bumbungnya diserang dek anai-anai.

"(SK Sungai Nyior) ini bukan satu-satunya sekolah yang saya pergi, ada banyak lagi, keadaan uzur dan usang, begitu menyedihkan sekali.

"Tapi, kita (Kerajaan Pakatan Harapan Persekutuan) tetap akan berusaha...masalah 15 tahun tak dapat kita selesaikan dalam sekelip mata, tapi kita akan beri keutamaan.

"Takkan saya nak minta daripada mereka (Kementerian Pendidikan), maka, saya akan mencari peruntukan sendiri, tengok macam mana kita nak selesaikan masalah kritikal ini," jelas Guan Eng yang juga Ahli Parlimen Bagan ketika melawat sekolah berkenaan di sini pada 16 Jun 2019.

Exco Belia & Sukan, Soon Lip Chee yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bagan Jermal; ADUN Bagan Dalam, M. Satees dan bekas Exco Kerja Raya, Pengangkutan dan Utiliti, Dato' Lim Hock Seng turut sertai lawatan kerja itu.

Hadir sama, Pegawai Daerah Seberang Perai Utara (SPU), Zulkifli Rashid dan Pegawai Pendidikan Daerah, Masri Abdullah.

Sebelum itu, Guru Besar SK Sungai Nyior, Rozaini Othman ketika menyampaikan ucapan alu-aluan merakamkan penghargaan atas lawatan kerja Guan Eng untuk melihat sendiri keadaan infrastruktur serta kemudahan di sekolah berkenaan.




**LIM Guan Eng (kiri sekali), Soon Lip Chee (kanan sekali), M. Satees (dua dari kiri) dan wakil-wakil berkaitan pada lawatan ke SK Sungai Nyior di sini baru-baru ini.**

## Kukuhkan silaturahim eratkan hubungan antara rakyat dan Kerajaan Negeri

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**

**AIR ITAM -** Tanggal 9 Mei 2018, Pakatan Harapan Pulau Pinang sekali lagi mendapat mandat besar bagi penggal ketiga berturut-turut untuk menerajui tampuk pentadbiran negeri ini.

Malah, pada Ogos 2018, Ketua Menteri Pulau Pinang kelima, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow juga melancarkan visi *Penang2030* yang menjadi 'tulang belakang' dalam merencanakan pembangunan di negeri ini.

Menurut Kon Yeow, visi *Penang2030* bukan sahaja akan memimpin jentera Kerajaan Negeri dalam menjalankan program-program berteraskan rakyat, malah juga membantu melaksanakan projek-projek pembangunan.

"Melalui visi *Penang2030*, dasar dan polisi digubal bagi memberi fokus terhadap institusi kekeluargaan termasuk amalan dasar hijau dan penjagaan alam sekitar, amalan teknologi pintar dalam urus tadbir seterusnya mencapai (status) negeri maju yang menjadi teladan kepada negeri-negeri lain di Malaysia.

"Saya percaya, penggal ketiga Pakatan Harapan di Pulau Pinang...kami (pimpinan negeri) telah cuba sedaya-upaya memberi khidmat bakti dengan memastikan ekonomi diuruskan dengan sebaik-baiknya bagi menjaga taraf kehidupan serta mencipta peluang-peluang pekerjaan untuk rakyat di negeri ini.

"Oleh itu, untuk mencapai semua kejayaan ini, kita perlu sama-sama menggembleng tenaga serta segala sumber yang ada bagi memastikan Pulau Pinang menjadi negeri yang berdaya huni dan mampu menjaga kepentingan rakyatnya," ucapnya pada Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri KADUN Air Itam di sini 15 Jun lalu.

Turut berucap, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Itam, Joseph Ng Soon Siang; Ahli Parlimen Bukit Gelugor, Ramkarpal Singh dan Pengerusi Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) Kampung Melayu, Abdul Aziz Bukhari.

Hadir sama, ADUN Batu Lancang, Ong Ah Teong serta beberapa pimpinan tempatan.

Dalam ucapan sama, Kon Yeow memuji semangat gotong-royong yang ditonjolkan oleh penduduk di Flat Kampung Melayu dalam menjayakan majlis tersebut.

"Semangat muafakat yang ditonjolkan ini adalah sejajar dengan semangat perpaduan dalam kalangan rakyat berbilang kaum untuk sama-sama meraikan perayaan utama di negara ini.

"Kukuhkan silaturahim (yang terjalin ini) dan eratkan hubungan antara rakyat dan Kerajaan Negeri (melalui) penganjuran majlis sebegini," katanya yang turut menzahirkan penghargaan kepada semua yang terlibat dalam menjayakan majlis berkaitan di sini.

Di pentas sama, Kon Yeow bersama-sama Soon Siang dan Ramkarpal menggamatkan suasana majlis apabila turut serta menyertai persembahan boria 'Anak Tanjung'.

Sate, nasi goreng, mi goreng, kuetiau goreng, bihun sup, ayam golek, laksa, murtabak, bubur kacang hijau, bubur gandum, kudap-kudapan, teh halia dan kek cawan antara 14 menu yang disediakan.

Usai sesi berucap, Soon Siang selaku tuan rumah turut menyempurnakan pemberian sumbangan kepada keluarga yang kurang berkemampuan selain menyantuni para tetamu yang tidak putus-putus.



# Skim RTO, bantu rakyat sukar dapat pinjaman bank miliki rumah

**PULAU BETONG –** Kerajaan Negeri Pulau Pinang akan terus membantu golongan yang sukar mendapatkan pinjaman perumahan di negeri ini untuk memiliki rumah idaman menerusi Skim Sewa Beli atau *Rent-to-Own* (RTO).

Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo berkata, rentetan kadar penolakan pinjaman perumahan yang tinggi oleh bank-bank komersial di negara ini, Kerajaan Negeri Pulau Pinang mengambil inisiatif memperkenalkan Skim RTO bagi membantu rakyat di negeri ini memiliki rumah sendiri.

"Skim RTO ini bukanlah seperti Projek Perumahan Rakyat (PPR), sebaliknya ia membolehkan penyewa menjadi pemilik unit berkaitan setelah bayaran sewaan selesai dalam tempoh ditetapkan.

"Sebagai permulaan, Kerajaan Negeri memperkenalkan Skim RTO ini untuk dilaksanakan bagi projek perumahan di Taman Seruling Emas, Sungai Bakap dan Taman Sungai Duri Permai, Jawi (kedua-duanya di daerah Seberang Perai Selatan, SPS)," ujarnya kepada pemberita sejurus mengadakan tinjauan di tapak projek rumah kos rendah, *The K Park* berdekatan Jalan Kuala Jalan Baru di sini 10 Jun lalu.



**JAGDEEP Singh Deo (dua dari kiri) ketika mengadakan tinjauan ke tapak pembinaan projek *The K Park* di sini baru-baru ini.**

Difahamkan, bagi projek di Taman Seruling Emas, sebanyak 51 unit diserahkan oleh pemaju kepada Kerajaan Negeri bagi tujuan Skim RTO dengan kadar sewa adalah RM100 sebulan dan caj penyelenggaraan RM20 sebulan untuk tempoh 15 tahun.

Manakala, bagi projek di Taman Sungai Duri Permai, 104 unit rumah jenis bandaran *(clustered houses)* yang asalnya diserahkan bagi tujuan Skim Pemilikan Bersama (*Shared Ownership Scheme*, SOS) digantikan untuk Skim RTO dengan kadar sewa sebulan RM150 dan RM20 caj penyelenggaraan untuk tempoh 23 tahun.

Menurut Jagdeep, pengenalan Skim RTO di kedua-dua projek perumahan itu mendapat sambutan menggalakkan dan berhasrat untuk menggunakan kaedah sama bagi projek perumahan *The K Park* yang terletak di Balik Pulau di sini.

"Sekiranya kita (Kerajaan Negeri) mendapati ramai yang berminat dengan Skim RTO, maka kita akan mempertimbangkan untuk perluaskan skim seperti ini bagi projek-projek perumahan di lain-lain kawasan seluruh negeri.

"Salah satu projek perumahan yang dikenal pasti adalah di Kampung Tok Subuh, Seberang Perai Tengah (SPT).

"(Dan) Kerajaan Negeri akan terus memantau proses pelaksanaan skim ini bagi membolehkan mereka yang benar-benar berkelayakan memiliki rumah sendiri.

"Kerajaan Negeri Pulau Pinang juga akan terus menggesa Kerajaan Persekutuan untuk mengambil maklum mengenai kadar penolakan pinjaman perumahan yang tinggi dengan kadar segera," jelasnya.

Dalam pada itu, Pengurus Pembinaan Kanan, Kumpulan Ideal Property selaku pemaju *The K Park*, Ang Eng Huat memberitahu bahawa projek yang telah siap 70 peratus itu dijangka lengkap sepenuhnya menjelang suku pertama tahun hadapan (2020).

# Negeri bakal contohi kaedah tanam padi Bogor, Indonesia

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**SEBERANG JAYA –** Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Luar bandar dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin memberitahu bahawa Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu Pulau Pinang (IADA) akan mencontohi kaedah penanaman padi dari wilayah Bogor, Indonesia.

Menurut beliau, pengeluaran beras negara termasuk negeri Pulau Pinang ketika ini hampir mencecah 70 peratus Tahap Sara Diri (SSL) sahaja, berbanding 95 peratus SSL di Indonesia terutama dari wilayah Bogor.

"IADA telah menetapkan sasaran produktiviti pengeluaran padi bersih negeri purata 7.0 matrik tan per hekta pada tahun 2020.

"Di Negeri Pulau Pinang, purata hasil padi bersih negeri yang terkini iaitu bagi musim 2017/2018 adalah 5.027 tan per hektar.

"Pulau Pinang mesti belajar kaedah penanaman padi dari Bogor, Indonesia yang mencatatkan pengeluaran beras negara (berbanding populasi penduduk) mencecah 95 peratus (SSL)," jelasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya pada 18 Jun 2019.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan majlis Hari Bertemu Pelanggan Dan Sambutan Aidilfitri 1440H/2019 di Dewan Terbuka Pusat Transformasi IADA Pulau Pinang di sini.

Turut berucap, Pengarah IADA Pulau Pinang, Noor Mazirah Teh.

Hadir sama, Ir. Ahmad Darus, Pengarah Bahagian Pengairan dan Saliran Pertanian, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Putrajaya, mewakili Menteri Salahuddin Ayub.

ADUN Machang Bubuk, Lee Khai Loon dan ADUN Pulau Betong, Mohd. Tuah Ismail turut sertai majlis sama keraian tersebut.

Pada sidang media selepas itu, Afif memberitahu bahawa tujuan pelaksanaan sistem pengairan secara berjadual sejak beberapa tahun lepas supaya pengurusan pengeluaran padi mencapai sasaran semasa, iaitu 6 tan per hektar bagi tahun 2019.

"Jadi, cabarannya besar...sebab itu apabila kita (IADA) meletakkan sasaran 6 tan per hektar ini, ia tidak hanya memerlukan (komitmen) daripada jabatan-jabatan berwajib, juga sokongan daripada para petani dan pesawah secara keseluruhannya," serunya.

Beliau dalam pada itu turut menyatakan perasaan empati dengan



**DR. Afif Bahardin (empat dari kanan) menyempurnakan gimik perasmian Pusat Transformasi Teknologi Padi IADA Pulau Pinang sambil disaksikan barisan kepimpinan Kerajaan Negeri dan wakil-wakil daripada IADAPP di sini baru-baru ini.**

kebimbangan pesawah berhubung isu musim kemarau yang melanda negeri belakangan ini.

"Ada banyak pertimbangan mereka seperti takut apabila air tidak ada, tidak boleh buat semaian, tanaman, terpaksa buat secara 'serak'... apabila serak ini, ia tidak boleh capai matlamat yang kita sasarkan (iaitu 6 tan per hektar)," ujarnya.

Justeru, Afif menyatakan bahawa pihaknya sedang memikirkan kaedah untuk mendapatkan padi yang lebih baik termasuk import dari Belanda.

"Dalam lawatan baru-baru ini, kami ada kenal pasti satu syarikat yang menghasilkan benih padi yang rintang penyakit, dengan meletakkan komponen aktif pada benih padi itu, apabila diletakkan (ditanam) dalam tanah, komponen aktif itu akan meresap dalam tanah dan pemangsa tidak datang (menyerang tanaman)," jelasnya.

Menguulas lanjut, Noor Mazirah memberitahu bahawa jumlah pesawah di negeri ini meliputi empat dari lima daerah iaitu Seberang Perai Utara (SPU), Seberang Perai Tengah (SPT), Seberang Perai Selatan (SPS) dan Barat Daya adalah seramai 5,312 orang.

# Sasar Pulau Pinang sebagai hab seni Asia Tenggara

**BUKIT TAMBUN -** Kerajaan Negeri melalui pejabat Exco Pembangunan Pelancongan, Kesenian, Kebudayaan dan Warisan (PETACH) sedang melaksanakan pelbagai usaha untuk memastikan sektor pelancongan Pulau Pinang bertambah maju.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata bahawa Kerajaan Negeri juga telah merangka strategi dan idea dengan menganjurkan pelbagai program yang dapat menghimpunkan pelbagai lapisan masyarakat yang diyakini dapat menonjolkan lagi keunikan negeri ini.

"Pada masa sama, ia turut membantu dalam merealisasikan hasrat Pulau Pinang untuk menjadi sebuah hab seni Asia Tenggara menjelang 10 tahun akan datang selain destinasi pelancongan pilihan utama menerusi kepelbagaian budaya komuniti di negeri ini.

"Selain itu, ia juga dapat mengeratkan hubungan silaturahim yang terjalin antara keluarga, sahabat-handai dan komuniti selaras dengan visi *Penang2030*," katanya semasa merasmikan program 'Penang Celebrates: Hari Raya with Radio Sinar' dekat Design Village di sini 22 Jun lalu.

Hadir sama, Exco PETACH, Yeoh Soon Hin; Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Lancang, Ong Ah Teong; Konsul Jeneral Jepun ke Malaysia, Koshinichiro Kanoya; Konsul Kehormat Jerman ke Pulau Pinang, Mr. Leo Chee Yeong; Pengarah Muzium Pulau Pinang, Haryany Mohamad dan ramai lagi.

Majlis turut dimeriahkan dengan persembahan pentas oleh beberapa artis terkenal tanah air, antaranya kumpulan NAMA, Benzooloo, Sandra, Ara Johari serta penampilan istimewa dua DJ dari Radio Sinar, iaitu Pink Azwan dan Adi Fashla.

Selain itu, persembahan tarian singa yang memukau ternyata berjaya menggamit perhatian ribuan pengunjung.

Mengulas lanjut, Kon Yeow menjelaskan bahawa Kerajaan Negeri juga berhasrat memasukkan unsur-unsur kesenian, budaya dan warisan, adat resam, makanan, alam sekitar dan sebagainya untuk membentuk satu produk yang unik di negeri ini.

"Itulah keunikan Pulau Pinang yang menampilkan kepelbagaian budaya, agama serta lain-lain tarikan yang cuma terdapat di negeri ini berbanding lain-lain lokasi.

"Justeru, tahniah dan syabas diucapkan kepada PETACH serta agensi-agensi terlibat dalam industri pelancongan yang peka, penuh dedikasi, sentiasa bersemangat dengan idea-idea baru untuk memastikan sektor pelancongan di Pulau Pinang terus kekal unggul dan relevan," ujarnya.

Dalam pada itu, Soon Hin yang turut berucap sebelum itu memaklumkan bahawa '*Penang Celebrates: Hari Raya with Radio Sinar*' merupakan platform paling sesuai untuk mengalami kepelbagaian di negeri ini.

"Siri "*Penang Celebrates*" bukan sahaja dapat memupuk perpaduan, malah juga dapat mempromosikan Pulau Pinang sebagai negeri pelancongan yang unggul di Asia," jelasnya.

# Pastikan industri pertanian dan asas tani kekal relevan

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **ADUN**

**MACHANG BUBUK –** Sebanyak RM195,020 diperuntukkan Kerajaan Negeri Pulau Pinang bagi membantu usahawan-usahawan industri asas tani di negeri ini meningkatkan lagi taraf hidup masing-masing.

Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin berkata, bantuan tersebut merupakan salah satu insentif di bawah Program Pembangunan Industri Pemprosesan Makanan dan Industri Asas Tani pada tahun ini.

Tambahnya, insentif tersebut telah diagihkan pada Majlis Jamuan Aidilfitri anjuran Jabatan Pertanian Negeri Pulau Pinang pada 20 Jun lalu.

"Daerah Seberang Perai Tengah menjadi daerah yang paling banyak menerima agihan bantuan iaitu sebanyak RM50,000 diikuti dengan daerah Barat Daya (RM45,000), daerah Seberang Perai Utara (RM35,020) dan RM35,000 bagi daerah Timur Laut serta Seberang Perai Selatan.

"Justeru, Kerajaan Negeri berharap agar program bantuan insentif seperti ini dapat membantu usahawan industri asas tani di negeri ini meningkatkan taraf hidup mereka," katanya di sini baru-baru ini.

Mengulas lanjut, Afif yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya menyatakan bahawa Kerajaan Negeri juga akan sentiasa berusaha dari semasa ke semasa bagi memastikan industri pertanian dan asas tani kekal relevan.

"Langkah ini juga dapat memberikan sumber rezeki yang luas kepada petani-petani di negeri ini," ujarnya.




**DR. Afif Bahardin (tengah) menyempurnakan majlis sumbangan insentif Program Pembangunan Industri Pemprosesan Makanan dan Industri Asas Tani kepada salah seorang usahawan tani layak di sini baru-baru ini.**

## Mutiara Food Bank, diharap menjadi pemulih semangat ketua keluarga

**SUNGAI PINANG** - Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow percaya bahawa sekiranya anak-anak di dalam sesebuah keluarga tidak mendapat makanan mencukupi, kemungkinan mereka terpaksa ke sekolah dalam keadaan lapar dan seterusnya mengganggu proses pembelajaran.

Justeru, katanya, melalui program Mutiara Food Bank, golongan berpendapatan rendah mampu mendapatkan makanan yang merupakan keperluan bekalan hak asasi manusia.

"Tanpa bekalan mencukupi, ia mungkin menjejaskan prestasi kanak-kanak di sekolah kerana mereka tidak dapat menumpukan perhatian kepada pelajaran.

"Malah, kepada ibu dalam keluarga berkaitan pula, kemungkinan tidak akan memberi tumpuan untuk menjaga keluarga sekiranya keperluan asas ini tidak dapat dipenuhi setiap hari.

"Jadi, program ini (Mutiara Food Bank) memainkan fungsi sedemikian, sekurang-kurangnya keperluan asas ini dapat dipenuhi," ucap beliau pada Majlis Jamuan Aidilfitri 2019 dan Perasmian Mutiara Food Bank anjuran bersama Pusat Khidmat Dewan Undangan Negeri (DUN) Sungai Pinang, Pusat Khidmat Parlimen Jelutong serta Masjid Jamek Jelutong di sini 20 Jun lalu.

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Pinang, Lim Siew Khim; ADUN Batu Lancang, Ong Ah Teong; Ahli Parlimen Jelutong, R.S.N. Rayer dan Pengerusi Masjid Jamek Jelutong, Abdul Rahim Omar.

Siew Khim dan Rayer turut berucap dalam majlis tersebut.

Mengulas lanjut, Kon Yeow bagaimanapun berharap keluarga yang menerima bantuan Mutiara Food Bank tidak akan bergantung kepada program berkaitan dalam tempoh yang lama, sebaliknya dapat meningkatkan ekonomi keluarga di masa depan.

"Sekiranya mereka bergantung terlalu lama, ianya bermaksud mereka tidak mendapat peluang pekerjaan yang lain untuk menyara keluarga.

"Bagi Kerajaan (Negeri) pula, kita pun tidak mahu semakin ramai yang perlukan bantuan sedemikian, ini mungkin satu indikator (penanda aras) yang negatif kepada negeri kita," ujarnya yang juga ADUN Padang Kota.

Tambah Kon Yeow yang juga Ahli Parlimen Tanjong, melalui program Mutiara Food Bank juga, beliau berharap agar ianya menjadi pemulih semangat kepada ketua keluarga.

## Pulau Pinang guna teknologi baru bangunkan industri pertanian negeri

**MACHANG BUBUK –** Kerajaan Negeri Pulau Pinang mula memperkenalkan penggunaan teknologi baru dalam pembangunan industri pertanian negeri sebagai inisiatif untuk memberikan pulangan yang lebih besar kepada petani.

Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin berkata bahawa antara usaha dijalankan adalah menjalinkan kerjasama dengan pengeluar benih terkemuka seperti *Enza Zaden* yang berpangkalan di Belanda.

"Kerjasama ini dijalinkan untuk melihat bagaimana kita (Pulau Pinang) dapat menghasilkan tanaman sayuran yang berkualiti untuk dipasarkan bukan hanya di peringkat dalam negeri malah juga ke luar negara.

**Pentadbiran ini dalam usaha mengesan semula peminjam dan penjamin mengikut senarai di bawah. Dipohon penama tersebut menghubungi pihak pentadbiran bagi tujuan pembayaran dengan kadar segera sebelum diambil tindakan selanjutnya. Orang ramai juga boleh tampil untuk memberi maklumat mengenai penama yang berkenaan.**

**(Sila abaikan notis ini jika pembayaran telah dibuat)**

No Akaun : 12053
Peminjam : MUHAMMAD MUSADDIQ BIN MANSOR - 89060407****
NO.10 LORONG SERI ACHEH 3, TAMAN SERI ACHEH 14300 NIBONG TEBAL, SPS
Penjamin 1 : HAPSAH BINTI IBRAHIM - 62013110****
NO.10 LORONG SERI ACHEH 3, TAMAN SERI ACHEH 14300 NIBONG TEBAL, SPS
Penjamin 2 : NORZALILAH BINTI HASHIM - 72032202****
NO. 25 TAMAN PELANGI, JALAN BHARU, PARIT BUNTAR 34200 PERAK

No Akaun : 12055
Peminjam : SAFIYYAH BINTI JOHAN - 94062407****
NO.159 JALAN SUNGAI, GEORGETOWN 10150 PULAU PINANG
Penjamin 1 : JOHAN BIN HASSAN - 62042907****
NO.159 JALAN SUNGAI 10150 GEORGETOWN, PULAU PINANG
Penjamin 2 : SITI SARAH BINTI ISMAIL - 74080514****
314-2-3A TAMAN JADE VIEW, JALAN BUKIT GAMBIR, GELUGOR 11700 PULAU PINANG

No Akaun : 12085
Peminjam : WAN AHMAD NAJAH BIN WAN AHMAD ZAKI - 96110126****
20 GERBANG SUNGAI ARA 6, BAYAN LEPAS 11900 PULAU PINANG
Penjamin 1 : WAN AHMAD ZAKI BIN WAN ISMAIL - 65080802****
1C-G-5 TAMAN DESA BAYAN, JALAN MERBAH, BAYAN LEPAS 11900 PULAU PINANG
Penjamin 2 : WAN AHMAD NABIL BIN WAN AHMAD ZAKI - 89101302****
11-1B JALAN PANDAN 3/10, PANDAN JAYA 55100 KUALA LUMPUR

No Akaun : 12093
Peminjam : JAMUNAH A/P VELU - 96121307****
NO.8 TAMAN BUAH PALA, LORONG KAKI BUKIT 11700 BUKIT GELUGOR, PULAU PINANG
Penjamin 1 : VELU A/P MUTHU - 62050207****
NO.8 TAMAN BUAH PALA, LORONG KAKI BUKIT, GELUGOR 11700 PULAU PINANG
Penjamin 2 : PRASEENNAAH A/P VELU - 92100307****
NO.8 TAMAN BUAH PALA, LORONG KAKI BUKIT, GELUGOR 11700 PULAU PINANG

No Akaun : 12094
Peminjam : LIM KHAI YIN - 83071707****
Q-7-11 TAMAN DESA RELAU 2, LEBUH RELAU 8, RELAU 11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG
Penjamin 1 : KONG KOK WAH - 82020708****
Q-7-11 TAMAN DESA RELAU 2, LEBUH RELAU 8, RELAU 11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG
Penjamin 2 : LIM KHAI YEE - 80042407****
M-10-2 TAMAN DESA RELAU 2, LEBUH RELAU 6, RELAU 11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG

No Akaun : 12095
Peminjam : RAFIDAH AMIN BINTI ABD RAHMAN - 77041307****
NO.10 LORONG MAJU 4, TAMAN HAJI ABDULLAH FAHIM 13200 KEPALA BATAS, SPU
Penjamin 1 : MAUDI BIN AZIZAN - 74021607****
NO.10 LORONG MAJU 4, TAMAN HAJI ABDULLAH FAHIM, 13200 KEPALA BATAS, SPU
Penjamin 2 : ROSSAINI BIN MOHAMAD NASIR - 83021507****
NO.1386 POKOK TAMPANG 13300 TASEK GELUGOR, SPU

No Akaun : 12099
Peminjam : NOOR SHAZWANI BINTI S T SINDHA MADAR - 91021007****
88-08-15 TAMAN SRI INDAH, SRI WONDER, LINTANG SUNGAI PINANG, PERAK ROAD 11600 PULAU PINANG
Penjamin 1 : BEEVI FATIMAH A/P S.T.SINDHA MADAR - 71010107****
88-08-15 TAMAN SRI INDAH, SRI WONDER, LINTANG SUNGAI PINANG, PERAK ROAD 11600 PULAU PINANG
Penjamin 2 : RETNASREEDEWI A/P MUNIANDY - 72020107****
75-01-10 SRI WANGSA, JALAN PENAWAR 1, JELUTONG 11600 PULAU PINANG

No Akaun : 12101
Peminjam : AHMAD ARIFFUDIN BIN ABD RASHID - 85051607****
BLOK C-9-45 PANGSAPURI PPR AMPANG JAJAR, JALAN PERMATANG PAUH 13500 PERMATANG PAUH
Penjamin 1 : ROSLINA BINTI AHMED - 64010707****
BLOK C-9-45 PANGSAPURI PPR, AMPANG JAJAR, JALAN PERMATANG PAUH 13500 PERMATANG PAUH
Penjamin 2 : SITI ZAIMAH BINTI ABD RASHID - 87070735****
BLOK C-9-45 PANGSAPURI PPR, AMPANG JAJAR, JALAN PERMATANG PAUH 13500 PERMATANG PAUH

No Akaun : 12108
Peminjam : NUR AMIRA NATASHA BINTI HASNIZAL - 96111407****
426 PINTASAN MAYANG 3, BAYAN BARU 11950 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG
Penjamin 1 : HASNIZAL BIN HASHIM - 74050507****
NO.426 PINTASAN MAYANG 3, BAYAN BARU,BAYAN LEPAS 11950 PULAU PINANG
Penjamin 2 : HASRINIZAM BIN HASHIM - 75091713****
NO.12 LORONG SEMBILANG, SEBERANG JAYA 13700 PERAI

No Akaun : 12109
Peminjam : MUHAMMAD HELMY RUSYAIDIE BIN NAWAWI - 96110502****
223E JALAN ASTANA 15/11, BANDAR SERI ASTANA 08000 SUNGAI PETANI, KEDAH
Penjamin 1 : NAWAWI BIN ABDULLAH - 72112407****
7773 JALAN DATO HJ AHMAD BADAWI 13200 KEPALA BATAS, SPU
Penjamin 2 : SHAIFUL ANUAR BIN ABDUL LATIFF - 86061635****
2361 JALAN DATO HJ AHMAD BADAWI 13200 KEPALA BATAS, SPU

No Akaun : 12112
Peminjam : NURHAYATI BINTI OMAR - 90020907****
NO.368 MK 19 KUALA MENGKUANG, KUBANG SEMANG 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 1 : MOHD FADLI BIN OMAR - 82092807****
SEBELAH 1201 PBA-A, KG KUALA MENGKUANG, KUBANG SEMANG 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 2 : MUNIRAH BINTI OMAR - 85010307****
NO.368 MK 19, KUALA MENGKUANG, KUBANG SEMANG 14000 BUKIT MERTAJAM

No Akaun : 12116
Peminjam : MOHD SYAFIQ BIN SHOLIHIN - 88041407****
B-4-5 TAMAN BUKIT JAMBUL, BAYAN BARU 11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG
Penjamin 1 : AHMAD MAZAHAR BIN CHE MANSOOR - 87051807****
2-2-9 TAMAN MANGGIS, JALAN ZAINAL ABIDIN 10400 PULAU PINANG
Penjamin 2 : ASMIDA DARWIS BINTI JAMAL HAKMA - 89051702****
A1-2-10 HALAMAN AREKA, LEBUH NIPAH, SUNGAI NIBONG 11900 PULAU PINANG

No Akaun : 12122
Peminjam : SINAR LAILA MASTURA BT MOHD SHIBI - 86020835****
NO. B78 PANGSAPURI VILLAMAS, JALAN MUHIBBAH/KU 3, KG-SG PINANG 42100 KELANG, SELANGOR
Penjamin 1 : CHE SAEDAH BINTI SAID - 62112208****
SB 583 PBA A, MUKIM 6, KAMPUNG BELAH DUA 13500 PERMATANG PAUH
Penjamin 2 : MOHD KHAIRUL BIN ABDUL KARIM - 86042226****
BLOK D1-11-07 JALAN PERAI JAYA 3, BANDAR PERAI JAYA 13600 PERAI

No Akaun : 12123
Peminjam : DEYVANAI A/P ARUMUGAM - 83070907****
2D-1-4 JALAN SEMARAK API SATU, TAMAN THEAN TEIK, FARLIM 11500 AIR ITAM, PULAU PINANG
Penjamin 1 : SANGGA A/L SINNAYAH - 62062407****
NO.29 LORONG SERI BISTARI 9, TAMAN SERI BISTARI 14300 NIBONG TEBAL, SPS
Penjamin 2 : ESWARI A/P SELUADURAI - 88072735****
NO.2618 LADANG CHANGKAT 14300 NIBONG TEBAL, SPS

# PDC setanding organisasi cemerlang, perlu komitmen semua pihak

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**

**PANTAI JEREJAK –** Bersempena sambutan ulang tahun ke-50 Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC), Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow mahu menjadikan agensi pembangunan negeri itu setanding organisasi cemerlang lain di dunia.

Beliau berkata, berpandukan visi *Penang2030* dan Pelan Strategik PDC 2030, ia akan membolehkan PDC berkembang pesat seiring dengan pembangunan teknologi serta automasi pintar dunia.

"Pelan Strategik PDC 2030 bukan sahaja memberi penekanan kepada pembangunan modal insan tetapi juga menambah baik nilai diri, kemahiran, keupayaan, pengetahuan dan kemampuan kos yang efektif.

"(Selain) memberi fokus mewujudkan kawasan pertumbuhan baharu di negeri ini, pelan ini juga membolehkan PDC meningkatkan aset-aset sedia ada dan seterusnya menjadi ejen pelaksana bagi inisiatif Kerajaan Negeri.

"(Dan) apabila nilai kerja dipertingkatkan, ia akan memanfaatkan bukan sahaja pihak pengurusan PDC bahkan Kerajaan Negeri dan rakyat jelata di negeri ini," ucapnya ketika merasmikan Majlis Sambutan Rumah Terbuka Aidilfitri PDC di sini 24 Jun lalu.

Hadir sama, Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Ir. Ahmad Zakiyuddin Abd. Rahman; Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy; barisan Exco Kerajaan Negeri; Pengurus Besar PDC, Mohd. Bazid Abd. Kahar; Pengerusi Jawatankuasa Penganjur Majlis Sambutan Hari Raya PDC 2019, Nazril Ghulam Hussain serta pengurusan agensi berkenaan.

Mengulas lanjut, Kon Yeow yang juga Pengerusi PDC memberitahu bahawa semangat kerja berpasukan yang kukuh ke arah objektif sama adalah amat penting dalam mencapai semua matlamat digariskan.

"Saya percaya bahawa untuk merealisasikan visi *Penang2030* dan juga Pelan Strategik PDC 2030, komitmen dan kerjasama daripada semua pihak adalah amat diperlukan.

"Selain perlu peka terhadap perkembangan Revolusi Industri 4.0 yang sedang diperkatakan seluruh dunia, kedua-dua visi dan pelan ini memerlukan semua pihak bertindak seiring dengan pembangunan pesat dunia.

"Ayuh, sama-sama kita berganding bahu, berusaha mempertingkatkan kualiti kerja bagi merealisasikan semua program, projek dan inisiatif yang direncanakan agar rakyat menerima manfaatnya," serunya yang mahu melihat PDC terus menjadi pemangkin pertumbuhan di Pulau Pinang.

Sejurus berucap, Kon Yeow menyempurnakan gimik perasmian majlis sambutan tersebut dan sempat beramah-mesra bersama-sama pengunjung yang turut memeriahkan Majlis Sambutan Rumah Terbuka Aidilfitri PDC 2019 di sini.




**KETUA** Menteri bersama-sama barisan kepimpinan Kerajaan Negeri ketika menyempurnakan gimik Majlis Sambutan Rumah Terbuka Aidilfitri PDC di sini baru-baru ini.






# Kilang perintis biogas proses sisa makanan kepada RE di Batu Maung

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **ADLEENA RAHAYU AHMAD RADZI**

**BATU MAUNG -** Kerajaan Negeri melaksanakan kajian kebolehlaksanaan kilang perintis biogas Darco di Pusat Pemindahan Sisa Pepejal dekat Batu Maung bagi memproses sisa makanan menjadi tenaga boleh diperbaharui (RE).

Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo menyatakan bahawa kilang perintis biogas ittu boleh mengendali sehingga 400 kilogram (kg) sisa makanan sehari, sementara anggaran sisa makanan yang dihasilkan oleh pengguna meliputi bahagian pulau dan Seberang Perai adalah dianggarkan sebanyak 150 tan sehari.

"Purata sisa (semua jenis) yang dikumpulkan oleh Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dalam sehari antaranya 600 hingga 700 tan, (manakala) sisa makanan sekitar 150 tan boleh ditukar menjadi tenaga, (maka) kami (Kerajaan Negeri) mahu 'mengambil' tanggungjawab ini daripada Majlis (MBPP)," jelasnya ketika mengiringi Ketua Menteri Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow melawat kilang tersebut di sini pada 23 Jun 2019.




**RUPA bentuk kilang perintis biogas yang ditempatkan di Pusat Pemindahan Sisa Pepejal Batu Maung di sini.**

Sebelum itu, Pengurus Teknikal Kilang Darco, Regin S. Andersen memberi taklimat khas kepada Kon Yeow, Jagdeep dan juga Datuk Bandar MBPP, Dato' Ar. Yew Tung Seang serta Yang di-Pertua Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Dato' Sr. Rozali Mohamud.

Menurut Jagdeep, kilang Darco bukan produk akhir bagi keseluruhan operasi projek tersebut.

"Ini, adalah kajian kebolehlaksanaan untuk melihat projek perintis ini berjaya, dan bagi kami (Kerajaan Negeri) untuk menyelesaikan masalah jika ada keperluan untuk itu," katanya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datuk Keramat.

Difahamkan, syarikat tempatan Darco Industrial Water Sdn. Bhd. (Darco) dan syarikat dari Denmark, Q2 Engineering Sdn. Bhd. saling bekerjasama dengan MBPP melaksanakan kajian kebolehlaksanaan projek mengubah sisa makanan menjadi RE.

Dalam pada itu, Kon Yeow memberitahu bahawa dengan adanya loji memproses sisa makanan menjadi RE, ia sekaligus telah menyediakan elemen tambahan dalam kemudahan pengurusan sisa bersepadu di Batu Maung.

"Kami (Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang) mengalu-alukan usaha membekalkan penyelesaian ke negeri ini demi meningkatkan lagi kemudahan pengurusan sisa pepejal kami," ujarnya sebelum melancarkan operasi kilang perintis biogas tersebut di Stesen Pemindahan Sisa Pepejal Batu Maung.

Kon Yeow yang juga Exco Hal Ehwal Tanah & Pembangunan Tanah, Pengangkutan dan Komunikasi berkata, pihaknya percaya bahawa operasi dimainkan syarikat Denmark tersebut dapat mengurangkan jumlah sisa pepejal yang patut dihantar ke Pusat Pelupusan Sampah Pulau Burung, serta memanjangkan jangka hayat pusat tersebut.

"Pengurusan sisa adalah sebahagian daripada tanggungjawab rakyat dan kerajaan (maka) ia perlu ditangani dengan cekap dan berkesan," ulasnya yang juga ADUN Padang Kota merangkap Ahli Parlimen Tanjong.

## PBAGT teroka tenaga boleh diperbaharui

**GEORGE TOWN –** PBA Holdings Berhad (PBAHB) yang merupakan syarikat pegangan tersenarai di papan utama Bursa Malaysia telah menubuhkan anak syarikat milikan 100 peratus baharu, PBA Green Technology (PBAGT) Sdn. Bhd. pada 12 Disember 2018.

PBA GreenTechnology a Renewable Energy Company 1307297-U

**LOGO PBA Green Technology Sdn. Bhd..**

Menurut Ketua Pegawai Eksekutif PBAHB, Dato' Ir. Jaseni Maidinsa, penubuhan PBAGT adalah bagi melaksanakan projek-projek tenaga boleh diperbaharui di Pulau Pinang selaras dengan komitmen menambah baik pengurusan alam sekitar yang berterusan.

"Ideanya adalah untuk menjana elektrik yang boleh digunakan bagi mengimbangi atau mengurangkan kos tenaga Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) Sdn. Bhd. selaku operator bekalan air berlesen di negeri ini.

"(Dan) sehingga kini, Kumpulan Syarikat PBA telah mengenal pasti dua projek berpotensi tinggi di bahagian pulau untuk dibangunkan iaitu penjanaan elektrik di loji mini hidro berdekatan Loji Rawatan Air (LRA) Air Itam dan ladang kuasa solar di Kompleks Kolam Air dan Stesen Pam Bukit Dumbar," ujarnya menerusi kenyataan media bertarikh 28 Jun 2019 di sini.

Mengulas lanjut, Jaseni memaklumkan bahawa bagi Kumpulan Syarikat PBA, matlamat utama inisiatif tenaga boleh diperbaharui adalah untuk meneroka projek-projek teknologi yang boleh diperbaharui di pepasangan bekalan air PBAPP.

"Ia selaras dengan aspirasi Visi Penang2030 dalam menjadikan Pulau Pinang sebuah negeri berorientasikan kekeluargaan, hijau dan pintar.

"Di samping itu, ia juga untuk mengimbangi atau mengurangkan kos tenaga PBAPP dengan menghasilkan 'tenaga hijau' yang boleh dieksport ke grid kebangsaan dan dijual kepada TNB.

"Selain itu, juga bagi membuka potensi penjanaan tenaga bagi pepasangan bekalan air di Pulau Pinang tanpa menjejaskan operasi bekalan air teras dan keselamatan alam sekitar.

"Semua projek-projek tenaga boleh diperbaharui ini akan diuruskan oleh PBAGT," jelasnya yang juga Ketua Pegawai Eksekutif PBAPP.

Tambah Jaseni, PBAHB dan PBAPP telah menilai projek-projek berkaitan dari sudut kejuruteraan dan kewangan serta bersedia untuk memperoleh semua kelulusan yang diperlukan untuk meneruskan inisiatif tersebut.

"Apabila semua prosedur ketekunan wajar selesai, Kumpulan Syarikat PBA akan melancarkannya dan mengumumkan butiran penuh projek tenaga boleh diperbaharui yang akan menyokong aspek hijau dan pintar selaras Visi Penang2030," ulasnya.



# Gelongsor air terpanjang dunia mampu pahat nama Negeri dalam peta pelancongan global

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **ESCAPE**

**TELUK BAHANG -** Exco Pembangunan Pelancongan, Kesenian, Kebudayaan dan Warisan, Yeoh Soon Hin percaya bahawa gelongsor air terpanjang di dunia yang bakal dibuka pada Ogos ini mampu menggamit lebih ramai pelancong asing serta pengunjung tempatan ke negeri ini.

Beliau yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Paya Terubong berkata demikian kepada pemberita ketika melawat ikon pelancongan baharu tersebut di Taman Tema Escape (Escape), Teluk Bahang dekat sini 23 Jun lalu.

"Baru-baru ini kita juga lancarkan *Experience Penang Year 2020* (EPY 2020) yang mana melaluinya, kita (Kerajaan Negeri) mahu galakkan penggiat industri pelancongan di sini menambah tarikan melalui 'pengalaman' ketika melancong.

"Era baharu ini, kehendak pelancong juga berubah apabila tidak lagi mahu tumpu kepada pemandangan semata-mata, tetapi mahu merasai pengalaman baharu apabila melancong.

"Saya juga percaya bahawa tarikan produk pelancongan bertaraf antarabangsa ini mampu menggamit kehadiran pelancong dari seluruh dunia dan meletakkan Pulau Pinang dalam peta pelancongan global," ujarnya pada sesi lawatan berkaitan.

Tambah Soon Hin, Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang menyambut baik usaha yang dilakukan oleh pihak Escape dalam menjenamakan sektor pelancongan di Pulau Pinang.

Beliau dalam pada itu turut merakamkan penghargaan kepada Ketua Pegawai Eksekutif Escape, Sim Choo Kheng kerana mengiringi lawatan beliau di sini.

Sebelum itu, Choo Kheng memberitahu bahawa gelongsor air di Escape diharap dapat merampas kedudukan nombor satu dunia bagi aspek gelongsor air paling panjang, apabila ianya dibuka pada Ogos ini.

Menurutnya, kerja-kerja pembinaan gelongsor air sepanjang 1,140 meter itu sudah 80 peratus siap.

"Gelongsor yang kini memasuki fasa tiga menghubungkan *Adventure Play* dengan *Water Play* dan menelan belanja sebanyak RM10.6 juta.

"Apabila siap kelak, kita jangkakan ia akan mengatasi gelongsor air di New Jersey, Amerika Syarikat sepanjang 602 meter dan seterusnya memperoleh pengiktirafan *Guinness World of Record*.

"Gelongsor ini, saya jangkakan dapat dibuka pada Ogos nanti sejurus pemeriksaan keselamatan dijalankan, pembinaannya juga sangat mencabar daripada segi kekurangan jentera serta faktor topografi (muka bumi).

"Bermula di puncak bukit, pengunjung akan dibawa menggelongsor menyeberangi Jalan Teluk Bahang di sebelah jambatan gantung dan berakhir di kolam renang taman tema air *(water play)*.

"Sebelum ini, Escape sudah mempunyai satu gelongsor air sepanjang 300 meter ketika bahagian *water play* dilancarkan pada 2018.

"Serentak dengan adanya gelongsor terpanjang itu, Escape turut menambah kemudahan kereta kabel sepanjang 400 meter dengan 30 kerusi, yang bakal siap serentak.

"Kereta kabel ini juga akan menjadi tarikan unik kerana ia akan melintasi kawasan hutan," ulas beliau.



**RAKAMAN pemandangan udara yang menunjukkan lingkaran gelongsor air berwarna biru kuning melalui celah-celah hutan kawasan Escape.**



**YEOH Soon Hin (depan, kanan sekali) dan Sim Choo Kheng (depan, kiri sekali) bergaya dengan salah satu aktiviti lasak yang terdapat di Escape.**



**RUPA bentuk gelongsor air terpanjang yang dirakam menggunakan drone.**

## Komited lahirkan jaguh badminton Negeri

**PAYA TERUBONG –** Kerajaan Negeri akan terus memberi komitmen dalam memartabatkan sukan badminton di peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa, ujar Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan bagi Belia dan Sukan, Khaliq Mehtab Mohd. Ishaq.

Menurut beliau, Kerajaan Negeri akan berusaha sedaya-upaya memberikan komitmen dalam melahirkan jaguh sukan badminton di masa akan datang.

"Baru-baru ini, kita dikhabarkan dengan berita 'sedih' apabila wira badminton kita, Dato' Lee Chong Wei mengumumkan persaraan beliau daripada arena badminton.

"Namun saya percaya, dengan usaha gigih para pemain serta Kerajaan Negeri, kita akan mampu lahirkan jaguh sehebat Chong Wei," ucapnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bertam pada Majlis Perasmian Karnival Olimpik Pulau Pinang bagi Sukan Badminton baru-baru ini dekat Kompleks Sukan Bandaraya Relau di sini.

Hadir sama, Pengarah Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang (MSNPP), Frederick Tan Teck An dan Presiden Persatuan Badminton Pulau Pinang, Kau Kah Kiak.



**KHALIQ Mehtab Mohd. Ishaq (barisan depan, tiga dari kiri), Frederick Tan Teck An (barisan depan, empat dari kiri) pada Majlis Perasmian Karnival Olimpik Pulau Pinang bagi Sukan Badminton di sini baru-baru ini.**

# Makluman pembayaran secara pindahan wang/ EFT bagi program Penghargaan Warga Emas Daerah Seberang Perai Tengah

Sukacita dimaklumkan bahawa pembayaran bagi semua penerima terlibat telah selesai dilaksanakan pada 3 Jun 2019 melalui kaedah pindahan wang elektronik/ *Electronic Funds Transfer* (EFT). Sila ambil maklum bahawa pembayaran ini hanya melibatkan para penerima di bawah daerah Seberang Perai Tengah yang telah memilih untuk menerima sumbangan melalui kaedah EFT (belum membuat tuntutan).

Untuk semakan status bayaran anda, sila layari laman web i-Sejahtera di *www.isejahtera.penang.gov.my* dengan memasukkan nombor kad pengenalan anda di ruangan yang disediakan.

Bagi penerima berstatus EFT tidak berjaya, sila kemaskini semula maklumat akaun anda dengan segera. Sekiranya tiada kemaskini dilakukan, pembayaran akan dilakukan melalui kaedah tunai pada fasa berikutnya (dalam tahun semasa). Daripada keseluruhan 1,780 orang penerima EFT, sebanyak 32 pembayaran direkodkan sebagai tidak berjaya.

**SEMAKAN STATUS PEMBAYARAN BAGI PROGRAM i-SEJAHTERA**

Pautan URL : https://isejahtera.penang.gov.my







WATERSIDE RESIDENCE



REALITIKAN IMPIAN
HIDUP SEMPURNA

THE LIGHT
WATERFRONT PENANG

Ruang yang cukup luas; akses yang begitu strategik dan rekaan penuh ikonik. Inilah waterside Residence. Rasailah Ketenangan di lokasi kediaman hebat ini. Harga bermula daripada RM805,000 dengan diskaun **5%** untuk Bumiputra.

Panduan pengiktirafan status Bumiputera, sila hubungi
Ketua Penolong Setiausaha Bahagian Perumahan
Pejabat Setiausaha Kerajaan
Tingkat 20, KOMTAR
10503 Pulau Pinang
**Tel: 604-6505242 Faks: 604-2622904**

Kunjungi Galeri Jualan
**The Light | Tingkat 16**

**Hari Biasa :** 8.30pg - 5.30ptg **Sabtu,Ahad & Cuti umum :** 10pg - 5ptg

waze THE LIGHT Sales Gallery
www.thelightwaterfront.com T 604 296 1333
Jelutong Development Sdn Bhd (210034-H) THE LIGHT Sales Gallery, 1-16-01 Menara IJM Land, No.1 Lebuh Tunku Kudin 3, 11700 Gelugor, Penang, Malaysia F 604 296 1334 E sales@ijm.com

IJM LAND An IJM Company

Lesen Pemaju.: 8140-8/11-2019/03127(L) • Sah hingga: 16/11/2018 -15/11/2019 • No Permit Iklan dan Jualan: 8140-8/11-2019/03127(P) • Sah hingga: 16/11/2018 – 15/11/2019 • Pemaju: Jelutong Development Sdn Bhd (210034-H) • Alamat: Suite 16-01, Menara IJM Land, No. 1, Lebuh Tunku Kudin 3, 11700 Gelugor, Pulau Pinang • No. Telefon: 604-296 1333 • Pemajuan Perumahan: WATERSIDE RESIDENCE • Menara Pangsapuri A • Jenis Kediaman: Rumah Pangsa/Kondo 116m² - 118m² • Jumlah Tingkat: 33 Tingkat • Jumlah Bilangan Unit: 116 unit •Menara Pangsapuri B • Jenis Kediaman: Rumah Pangsa/Kondo 98m² - 100m² • Jumlah Tingkat: 25 Tingkat • Jumlah Bilangan Unit: 84 unit • Menara Pangsapuri C • Jenis Kediaman: Rumah Pangsa/Kondo 98m² • Jumlah Tingkat: 17 Tingkat • Jumlah Bilangan Unit: 56 unit • Pegangan: Bebas • Bebanan: Tiada • Petak Aksesori: Ruang Penghawa Dingin, Patio, Locker & Tempat Letak Kereta (Kecuali petak letak kereta pelawat) • Diskaun 5% untuk Bumiputra • Tarikh Dijangka Siap: November 2020 • Harga Minima: RM749,000 • Harga Maksima: RM1, 506,000 • Pihak Berkuasa yang meluluskan: Majlis Bandaraya Pulau Pinang • No. Kelulusan Pelan Bangunan.: MBPP/OSC/PB8376/16 • Permit Plan No.: K/5/16 (Permit No.K01324) • Sekatan-sekatan Kepentingan: Dalam tempoh 2 tahun pertama daripada tarikh pendaftaran pindah milik kepada pembeli pertama, tanah yang diberimilik ini tidak boleh dipindahmilik, cagar, pajak, pajakan kecil atau dilupuskan tanpa kebenaran daripada Pihak Berkuasa Negeri. Selepas tempoh ini sebarang urusniaga boleh dilakukan tanpa perlu mendapat kebenaran daripada Pihak Berkuasa Negeri. Sekatan kepentingan ini adalah selaras dengan perkara 17.1(f) (iii) perjanjian.

IKLAN INI TELAH DILULUSKAN OLEH JABATAN PERUMAHAN NEGARA.

# Ambil berat soal keselamatan makanan

Oleh : **NUR AMIRAH HUSNA ROSLAN**
Gambar : **ADUN**

**BUKIT TAMBUN** – Semua pihak diseru agar menitik beratkan jaminan keselamatan rantaian makanan dalam memastikan kesejahteraan pengguna.

Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin berkata, keselamatan makanan merupakan salah satu komponen penting yang sering dipandang enteng oleh masyarakat.

"Sesetengah masyarakat sekarang kurang menitik berat isu keselamatan makanan selagi mereka atau ahli keluarga sendiri tidak mengalami gejala keracunan makanan seperti muntah dan cirit-birit.

"Jangan sambil lewa, pelbagai punca pencemaran perlu dikawal dengan sebaik mungkin di setiap peringkat rantaian makanan bermula daripada bahan mentah sehingga ke hidangan makanan," ujarnya ketika merasmikan Majlis Sambutan World Food Safety Day Peringkat Negeri Pulau Pinang di sini 22 Jun lalu.

Hadir sama, Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan), Ku Nafishah Ku Ariffin; Setiausaha Perbandaran Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Ir. Rosnani Mahmod dan Pegawai Kesihatan Daerah Seberang Perai Selatan, Dr. Shazlin Umar.

Menurut Afif, sektor kerajaan, swasta, individu dan pengguna seharusnya mengambil berat akan soal keselamatan makanan.

"Kita sebagai pengguna mempunyai kuasa untuk memacu perubahan kerana pengguna merupakan titik akhir dalam rantaian makanan.

"Pengguna juga haruslah memainkan peranan penting sebagai pemberi maklumat kepada pihak berkuasa.

"Jika mempunyai maklumat mengenai produk atau premis makanan yang tidak bersih, segera membuat aduan melalui medium-medium yang telah disediakan seperti laman sesawang ataupun terus ke jabatan berkaitan.

"Namun, sebagai pengguna, anda perlu bijak dan membuat rujukan sebelum menyebarkan atau berkongsi sesuatu maklumat yang belum dipastikan kesahihannya," jelasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya.




**DR. Afif Bahardin (dua dari kiri), Ir. Rosnani Mahmod (dua dari kanan) dan Ku Nafishah Ku Ariffin (tengah) menunjukkan epal sebagai simbolik bersempena sambutan World Food Safety Day Peringkat Negeri Pulau Pinang di sini baru-baru ini.**









Asia Green GROUP
reconnect the nature

Asia Green Construction Sdn Bhd (666894-W)
36A Jalan Sultan Ahmad Shah,10050 Georgetown, Pulau Pinang.| T 04 - 261 8316 / 04-262 2222 | F 04 - 261 2316
No. Lesen Pemaju: 10073-4/11-2020/01004(L) • Tempoh Sah: 17/11/2018 – 16/11/2020 • No. Permit Iklan & Jualan: 10073-4/11-2020/01004(P) • Tempoh Sah: 17/11/2018 – 16/11/2020 • Jenis Pegangan Tanah: Geran untuk selama-lamanya • Bebanan Tanah: Public Bank Berhad • Pihak Berkuasa Yang Meluluskan: Majlis Bandaraya Pulau Pinang • No. Kelulusan Pelan Bangunan: MBPP/OSC/PB9309/17(LB) • No. Kelulusan Pelan Merancang: MBPP/OSC/PM2752/15(LB) • Nama Pemajuan Perumahan: The Zen Rumah Mampu Milik • Tarikh Dijangka Siap: Dis 2023 • Jenis Rumah: Rumah Mampu Milik • Jumlah Unit: 1200 Unit • Luas binaan: 850 kaki persegi • Harga Jualan : RM 300,000.00 (Min) - RM 300,000.00 (Maks) •

# Perkhidmatan Setiausaha Perbandaran MPSP dilanjut setahun

**GEORGE TOWN -** Mesyuarat Exco pada 26 Jun lalu bersetuju melanjutkan kontrak perkhidmatan Setiausaha Perbandaran bagi Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Ir. Rosnani Mahmod selama setahun lagi selepas 30 Jun 2019.

Perkara tersebut dimaklumkan oleh Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow dalam sidang media di sini 28 Jun lalu.

"Kontrak beliau kini akan tamat pada 30 Jun 2019, jadi barisan Exco bersetuju melanjutkan kontrak beliau selama setahun lagi sehingga 30 Jun 2020," ujarnya.

Turut hadir, Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman; Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo, Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Seri Farizan Darus dan Rosnani sendiri.



IR. Rosnani Mahmod (dua dari kiri) bergambar kenangan bersama-sama Ketua Menteri (dua dari kanan), Jagdeep Singh Deo (kanan sekali) dan Farizan Darus pada sidang media di sini baru-baru ini.

## Bangunan lama ibu pejabat MPSP bakal dibuka semula untuk sewaan

**SEBERANG JAYA –** Yang di-Pertua Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Dato' Sr. Rozali Mohamud memaklumkan bahawa bangunan lama ibu pejabat pihak berkuasa tempatan (PBT) itu yang terletak di Butterworth bakal dibuka semula untuk tujuan penyewaan.

Menurutnya, sebahagian daripada bangunan tersebut akan ditawarkan untuk tujuan penyewaan kepada pihak-pihak yang berminat, manakala sebahagian lagi bakal dibangunkan sebagai Pusat Kesenian dan Kebudayaan Negeri.



SR. Rozali Mohamud menunjukkan pelan bangunan lama ibu pejabat MPSP dekat Butterworth pada sidang media di sini baru-baru ini.

"Dalam sesi pembentangan kemajuan Program Butterworth Baharu kepada Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow oleh MPSP dan Think City Sdn. Bhd. pada April lalu, beliau bersetuju agar sebahagian bangunan ibu pejabat lama (MPSP) dekat Butterworth digunakan bagi tujuan kesenian dan kebudayaan, manakala ibu pejabat lima tingkat serta kawasan letak kereta di hadapan bangunan tersebut dibuka untuk penyewaan.

"Justeru, MPSP akan membuka pengiklanan penyewaan kepada mereka yang berminat pada 30 Julai hingga 30 Ogos ini yang mana bangunan tersebut dipertimbangkan untuk kegunaan seperti pejabat, institusi pendidikan, hotel, restoran, pasar raya dan lain-lain yang bersesuaian," jelasnya pada sidang media selepas mempengerusikan Mesyuarat Majlis Penuh dekat Ibu Pejabat MPSP Bandar Perda di sini 21 Jun lalu.

Turut serta, Ahli-Ahli Majlis MPSP; Setiausaha Perbandaran, Ir. Rosnani Mahmod serta ketua-ketua jabatan MPSP.

Mengulas lanjut, Rozali menyatakan bahawa kadar sewaan bangunan tersebut adalah sebanyak RM25,000 sebulan bagi tempoh penyewaan selama tiga tahun dengan pilihan untuk memperbaharui tempoh sewaan adalah setiap tiga tahun sehingga 31 Oktober 2041.

"Oleh itu, MPSP berharap dengan cadangan ini maka kawasan ibu pejabat lama MPSP dekat Butterworth akan dapat dibangunkan semula dan seterusnya dapat menggalakkan serta merangsang pembangunan di kawasan sekitar selain bakal menjadi tarikan baru pelancongan di Seberang Perai," ujarnya.

## Penganjuran pasar pagi dan pasar malam perlu kelulusan

**PADANG KOTA –** Semua penganjur dan pihak yang menguruskan pasar pagi dan pasar malam di negeri ini perlu mendapatkan kelulusan perniagaan daripada Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) terlebih dahulu.

Ahli Majlis bagi MBPP, Wong Yuee Harng berkata, terdapat garis panduan tertentu untuk menganjur dan mengawal aktiviti perniagaan di tapak-tapak perniagaan pasar pagi serta pasar malam yang disediakan oleh pihak berkuasa tempatan (PBT) tersebut.



WONG Yuee Harng.

"Garis panduan ini turut terpakai untuk penganjuran pasar tani dan permohonan hanya boleh dibuat oleh badan-badan seperti Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) atau Persatuan Penduduk setempat sebelum dipertimbangkan oleh pihak Majlis (MBPP).

"Dalam pada itu, MBPP juga akan mempertimbangkan permohonan daripada Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) bagi tujuan penganjuran pasar tani.

"(Dan) setiap permohonan akan dirujuk kepada Pegawai Daerah, Polis Diraja Malaysia, Jabatan Kerja Raya dan Jabatan Dalaman Majlis (Jawatankuasa Teknikal) berkaitan untuk ulasan," katanya pada sidang media di sini 18 Jun lalu.

Hadir sama, rakan sepenjawatan, Gerald Mak Mun Keong, Harvindar Singh, Nicholas Theng, Azahari Aris dan Latifah Hussainsa.

Dalam pada itu, menurut Yuee Harng, walaupun kelulusan telah diberikan kepada pihak pengurusan, namun MBPP masih mempunyai kuasa untuk menutup atau mengubah lokasi perniagaan pada bila-bila masa pada tarikh-tarikh tertentu.

"Pihak Majlis juga berhak menarik balik kebenaran dan membatalkan lesen pada bila-bila masa jika penganjur tidak mematuhi arahan ditetapkan.

"(Dan) sekiranya terdapat aktiviti pasar-pasar berkaitan yang didapati beroperasi tanpa kelulusan MBPP, tindakan pengeluaran notis serta kompaun akan dikenakan terhadap penganjur," tegasnya yang juga Pengerusi Gantian Jawatankuasa Tetap Kesihatan Awam PBT berkaitan.

Difahamkan, hanya 38 lokasi perniagaan yang mempunyai lesen perniagaan sah di bawah pentadbiran MBPP setakat ini.

# Aktiviti pembuangan sampah haram, MPSP ambil tindakan ikut undang-undang

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**

**SEBERANG JAYA -** Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) tidak akan bertolak ansur terhadap mana-mana pihak yang melakukan pembuangan sampah secara haram.

Yang di-Pertuanya, Dato' Sr. Rozali Mohamud menegaskan bahawa kegiatan tersebut langsung tidak boleh diterima dan pihaknya akan mengambil tindakan mengikut undang-undang yang ada bagi menghentikannya.

Tambahnya, MPSP juga menyokong sepenuhnya inisiatif Kerajaan Negeri untuk mengambil tindakan tegas sebagai langkah memberikan pengajaran kepada pesalah terlibat pada masa depan.

"Kita (MPSP) tidak akan berhenti di sini, sebaliknya akan memastikan mereka yang terbabit tidak akan terlepas daripada tindakan undang-undang," tegasnya pada sidang media selepas mempengerusikan Mesyuarat Majlis Penuh dekat ibu pejabat MPSP Bandar Perda di sini 21 Jun lalu.

Rozali memberi amaran tersebut selepas pemilik tanah di tapak pembuangan sisa pepejal secara haram dekat Bukit Teh didenda RM2,000 oleh Mahkamah Majistret pada 20 Jun lalu.

Pengendali kilang haram berdekatan juga dilaporkan telah didenda dengan jumlah yang sama.

Pada Mac lalu, tapak pembuangan sampah haram secara besar-besaran telah dikesan di Bukit Teh berhampiran Machang Bubuk.

Dalam pada itu, Rozali juga menegaskan bahawa sejak 2014 hingga kini, pihaknya telah berjaya mengurangkan bilangan tempat pembuangan sampah secara haram di Seberang Perai.

"Usaha berterusan MPSP telah menampakkan hasil sejak beberapa tahun kebelakangan ini," katanya.







# Mangsa ribut terima bantuan wang ihsan




**HENG Lee Lee (tengah berbaju putih) bergambar kenang-kenangan bersama-sama 52 keluarga yang menerima bantuan wang ihsan di sini baru-baru ini.**

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **NOOR SITI NABILAH NOORAZIS**

**BERAPIT –** Sebanyak 52 keluarga mangsa ribut dari Kampung Baru menerima bantuan wang ihsan yang disumbangkan oleh Kumpulan Wang Amanah Bantuan Bencana Negara (NADMA).

Penyampaian sumbangan tersebut disempurnakan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Berapit, Heng Lee Lee dalam majlis yang dianjurkan oleh Angkatan Pertahanan Awam (APM) dekat Dewan Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Tengah di sini 14 Jun lalu.

Menurut Lee Lee, NADMA bersetuju memberikan sumbangan berjumlah RM500 bagi setiap keluarga dengan kos keseluruhan berjumlah RM26,000.

“Selepas peralihan kerajaan pada Mei tahun lepas, Kerajaan Negeri telah mengadakan perbincangan bersama NADMA yang mana akhirnya mereka bersetuju menyumbangkan sebanyak RM500 kepada setiap 52 keluarga selepas membuat penilaian secara terperinci.

“Ini menjadikan jumlah keseluruhan sumbangan kepada mangsa ribut Kampung Baru adalah sebanyak RM54,000 termasuk bantuan melalui Tabung Bencana TYT (RM15,600) dan Jabatan Kebajikan Malaysia (RM14,600)

“Saya rasa ini adalah kerjasama yang amat bagus selepas berlaku pertukaran kerajaan pada Mei tahun lepas berbanding dengan semasa bencana banjir besar pada 2017 yang mana mangsa banjir hanya mendapat RM250 sahaja daripada Pusat,” katanya pada sidang media selepas merasmikan majlis berkenaan.

# Saran pasang CCTV pantau lalu lintas, pengawasan taman



**ONG Ah Teong menunjukkan kawasan dan jenis pokok yang dipercayai telah dicuri dari sebuah taman siap dinaik taraf di sini baru-baru ini.**

**BATU LANCANG -** Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) disaran memasang kamera litar tertutup (CCTV) di taman berhampiran Jalan Perak yang telah siap dinaik taraf baru-baru ini.

Saranan tersebut dibuat Ahli Dewan Undangan Negerinya (ADUN), Ong Ah Teong sebagai inisiatif memantau keadaan lalu lintas di laluan berkenaan yang sememangnya merupakan satu kawasan sibuk, di samping pengawasan tanaman di taman berkenaan.

“Kita merayu kepada Jabatan Kejuruteraan MBPP supaya mempertimbangkan cadangan (pemasangan CCTV) ini.

“CCTV ini bukan untuk pengawasan tanaman semata-mata, tetapi juga bagi memantau keadaan lalu lintas yang sentiasa sibuk di sini,”ujarnya pada sidang media baru-baru ini.

Mengulas lanjut, Ah Teong memberitahu bahawa terdapat insiden kecurian tanaman berbunga jenis *Vinca Rosea* di taman berkenaan dengan anggaran kerugian berjumlah RM1,500.

“40 batang pokok *Vinca Rosea* dipercayai telah dicuri di taman ini, padahal ia baru sahaja selesai dinaik taraf oleh MBPP dengan kos RM23,000.

“Taman ini merupakan fasa pertama projek pengindahan yang dijalankan di Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Batu Lancang ini.

“Projek ini bermula pada 24 April lalu dan baru selesai pada 9 Mei, tetapi selepas sebulan, pokok di sini telah dicuri.

“Justeru, saya merayu kepada orang ramai yang mempunyai maklumat, gambar ataupun video pelaku (pencuri) supaya maklumkan kepada pihak-pihak berkaitan,” rayu beliau sambil memberitahu bahawa ganjaran RM1,000 akan diberikan kepada pemberi maklumat.




# Sisa Sifar Sistem Barter mampu kurangkan sisa ke Pulau Burung



**ZAIRIL Khir Johari (berkemeja biru) dan Josephine Tan Mei Ling (berbaju hijau) bergambar kenangan bersama-sama jawatankuasa penganjur sejurus sesi lawatan ke gerai-gerai yang mengambil bahagian bersempena penganjuran Program Sisa Sifar Sistem Barter di sini baru-baru ini.**

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **PGC**

**TANJONG BUNGA -** Amalan tukar dan kongsi dapat memainkan peranan dalam mengurangkan jumlah sisa yang dihantar ke tapak pelupusan sampah di Pulau Burung.

Menurut Exco Kerja Raya, Uiliti dan Tebatan Banjir, Zairil Khir Johari, secara purata, sebanyak 1,800 tan metrik sisa dilupuskan ke Pulau Burung setiap hari dan sekiranya keadaan berkaitan berterusan, kelestarian jangka panjang tapak pelupusan terbabit akan terjejas.

"Tapak pelupusan di Pulau Burung merupakan satu-satunya kemudahan tapak pelupusan untuk seluruh Pulau Pinang, dan ia menjadi lokasi terakhir kepada semua sisa domestik serta (sisa) organik sektor industri di negeri ini.

"Kebimbangan yang sama juga dihadapi di seluruh negara ekoran terdapat sebanyak 150 pusat pelupusan sisa pepejal di seluruh negara, yang mana separuh atau 74 daripadanya dijangka bakal mencapai jangka hayat akhir penggunaan pada tahun 2020," ucapnya pada penganjuran Program Sisa Sifar Sistem Barter di sini 23 Jun lalu.

Hadir sama, Pengarah Penang Green Council (PGC), Josephine Tan Mei Ling.

Dalam pada itu, Zairil yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Tanjung Bunga melahirkan rasa bangga kerana kadar kitar semula di negeri ini telah meningkat, iaitu daripada 39.22 peratus pada tahun 2018 kepada 42.69 peratus (sehingga Jun 2019).

"Kadar kitar semula terbaharu ini menjadikan Pulau Pinang jauh ke hadapan.

"Sebenarnya, apa yang kita ingin buang atau tidak perlukan lagi, mungkin ia merupakan keperluan untuk pihak lain.

"Adakalanya barangan yang mahu dibuang itu tidak pernah digunakan dan masih dalam keadaan baik… maka lebih bagus jika ia dapat digunakan oleh orang lain sekaligus dapat mengurangkan sisa yang akan dihantar ke tapak pelupusan," ujarnya.

Dalam pada itu, Mei Ling menyatakan bahawa PGC telah melaksanakan satu inisiatif aplikasi mudah alih *Trash2Treasure* yang menyatakan lokasi pusat kitar semula berdaftar seluruh negeri.

"Melalui aplikasi ini, pengguna boleh menghantar barangan kitar semula ke pusat-pusat berdaftar terdekat dengan lebih mudah.

"Anda juga boleh menukar barangan terpakai melalui aplikasi ini dan mempelajari cara-cara untuk mengasingkan sisa dengan permainan mini dalam aplikasi tersebut," jelasnya.

## ADUN sumbang kontena demi operasi CERT



**A. Kumaresan (enam dari kiri) bergambar kenangan bersama-sama ahli-ahli jawatankuasa CERT George Town dengan berlatarbelakangkan kontena yang disumbangkan di sini baru-baru ini.**

**BATU UBAN –** Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Uban, A. Kumaresan membelanjakan RM6,500 bagi menempatkan sebuah kontena untuk kegunaan pasukan penyelamat sukarela, *Community Emergency Response Team* (CERT) *George Town*.

Lokasi tersebut terletak berhampiran dewan Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) Taman Pekaka, Sungai Dua di sini.

"Kontena ini bertujuan untuk memudahkan pasukan CERT beroperasi serta lokasi untuk meletakkan peralatan dan motosikal.

"Sekiranya berlaku kecemasan dan memerlukan pertolongan segera, umum boleh menghubungi hotline CERT di talian 010 - 2484999," jelasnya pada Majlis Pelancaran Bilik Operasi Pertama CERT 2 Jun lalu.

Hadir sama, Pengerusi CERT George Town, Lee Chiew Wan.



# Visi Penang2030 cetus inspirasi kepada rakyat

**VISI** *Penang2030* yang digagaskan Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow bukan sahaja memberi penekanan terhadap pembangunan institusi kekeluargaan, malah turut merangkumi aspek negeri hijau dan pintar sebagai hala tuju dalam pentadbiran Kerajaan Negeri bagi tempoh 10 tahun akan datang.

Bertunjangkan empat tema iaitu meningkatkan daya huni sebagai peningkatan kualiti hidup rakyat; menaik taraf ekonomi untuk meningkatkan pendapatan isi rumah; memperkasakan rakyat bagi meningkatkan penyertaan umum dan melabur dalam infrastruktur serta kemudahan awam bagi meningkatkan daya tahan dalam pelbagai keadaan, visi *Penang2030* adalah wawasan berinovasi yang merangkumi semua aspek pembangunan tanpa meminggirkan mana-mana entiti.

Malah, melalui kerangka kerja, visi tersebut juga bakal memastikan segala perancangan yang direncanakan akan dilaksanakan secara seimbang serta berhemah demi kelangsungan negeri ini.

Menurut kaca mata Ketua Menteri, penglibatan rakyat Pulau Pinang dalam merealisasikan visi *Penang2030* adalah amat kritikal kerana ia bukan hanya boleh dijayakan oleh Kerajaan Negeri, tetapi sebaliknya memerlukan komitmen semua warga negeri secara menyeluruh.

Selaras dengan Revolusi Industri 4.0, Pulau Pinang akan terus mengekalkan momentum yang dicapai kini dan terus bersaing di pentas transformasi global berlandaskan hala tuju yang direncanakan melalui *Penang2030*.

Baru-baru ini, wartawan Buletin Mutiara, **AINUL WARDAH SOHILLI** sempat menemu ramah beberapa individu bagi mendapatkan pandangan mereka mengenai visi *Penang2030* berkaitan.



ROSHANNISA Che Kassim.

Bagi peniaga, **ROSHANNISA CHE KASSIM**, 45, yang menetap di Seberang Jaya, Seberang Perai Tengah (SPT) menyatakan bahawa visi *Penang2030* yang digagaskan oleh Ketua Menteri telah memberi inspirasi kepadanya untuk terus memainkan peranan bagi merealisasikan




visi negeri tercinta.

"Saya berharap visi *Penang2030* akan menjadi kenyataan dan dapat direalisasikan memandangkan ia merangkumi semua aspek kehidupan serta menyentuh setiap warga Pulau Pinang.

"Saya percaya ia bakal menjadikan rakyat Pulau Pinang lebih maju, lebih aman, lebih sihat dan lebih bahagia menjelang tahun 2030 nanti.

"Paling disukai adalah aspek keseimbangan gender yang terkandung dalam perincian visi *Penang2030* yang mana golongan wanita akan dapat lebih banyak peluang untuk membuat kata putus berbanding sebelum ini.

"Malah dalam aspek kebersihan pula, Pulau Pinang kini lebih bersih serta hijau dan mula dikenali dunia, jadi tidak mustahil visi ini akan meletakkan negeri kita sebagai yang terbaik di Malaysia...bahkan lebih terkenal di mata dunia," katanya yang turut bergiat aktif dalam aktiviti kemasyarakatan setempat.

Manakala, bagi Pegawai Perhubungan Kanan kepada Presiden Pertubuhan Anak Yatim Malaysia, **MUHAMMAD SHAHRIZUL MUIZ MOHAMED NASIR**, beliau melihat banyak perubahan ketara sejak Pakatan Rakyat (kini Pakatan Harapan) mengambil alih tampuk pentadbiran pada 2008.



MUHAMMAD Shahrizul Muiz Mohamed Nasir.

"Sebagai seorang yang masih tergolong dalam golongan belia, yang dilahirkan dan menetap di Pulau Pinang, saya amat berbangga dengan usaha yang diambil oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang terutama dalam merealisasikan visi *Penang2030*.

"Pada saya, visi ini cukup lengkap kerana ia merangkumi semua aspek, daripada pemilikan rumah, kebajikan, kesihatan, pelaburan, menyediakan infrastruktur bagi aktiviti sukan, kesenian dan warisan serta penawaran peluang pekerjaan kepada rakyat di negeri ini bagi meningkatkan pendapatan isi rumah.

"(Dan) saya juga percaya bahawa visi ini bukanlah suatu usaha yang harus dijayakan oleh Kerajaan Negeri sahaja, tetapi juga semua rakyat Pulau Pinang perlu memainkan peranan masing-masing bagi melengkapkan ekosistemnya.

"Ayuh, anak muda...sama-sama kita menjayakan wawasan ini, sama-sama kita berganding bahu dan menyumbang kepada negeri tercinta ini," seru anak muda berusia 27 tahun itu, yang turut teruja dengan pelbagai pencapaian dikecapi Pulau Pinang kini.



S. Paveethiraa.

Dalam pada itu, menurut **S. PAVEETHIRAA**, 26, beliau bangga apabila Kerajaan Negeri Pulau Pinang mengambil langkah berani dengan memperkenalkan visi *Penang2030*.

"Saya percaya melalui pelbagai inisiatif yang diperkenalkan Kerajaan Negeri kini ia bukan sahaja untuk meningkatkan taraf ekonomi, tetapi juga memartabatkan negeri Pulau Pinang secara keseluruhan melalui penggunakan teknologi digital, mempromosikan pelancongan serta pembangunan untuk rakyat.

"Secara peribadi, saya yakin Ketua Menteri dan barisan kepimpinan negeri akan mengadakan lebih banyak sesi pertemuan dan penerangan dengan rakyat dari masa ke masa bagi memaklumkan mengenai visi ini.

"Akhirnya, saya pasti visi *Penang2030* akan membawa kemakmuran kepada warga negeri ini," ulasnya yang bekerja di sektor swasta di sini.



LEE Keng Fatt.

Bagi **LEE KENG FATT** yang turut berkongsi pandangan dengan memberi metafora situasi banjir di negeri ini.

Katanya, setiap kali tiba musim hujan, beberapa kawasan akan dilanda banjir dan ada penduduk yang terpaksa dipindahkan.

"Situasi ini telah berlaku selama lebih 50 tahun yang lalu, jadi adakah kita akan terus hidup dalam situasi begini untuk 50 tahun akan datang juga?

"Pihak berkuasa tempatan kata, Kerajaan Negeri sentiasa siap siaga untuk menghadapi sebarang kemungkinan sekiranya situasi tersebut berulang.

"(Dan) saya harus memuji usaha Kerajaan Negeri ini kerana mengambil inisiatif untuk mengatasi masalah (banjir) apatah lagi, Pulau Pinang pernah 'dianaktirikan' sebelum ini oleh pentadbiran di peringkat Persekutuan terdahulu.

"Namun, kebanyakan rakyat tidak 'nampak' usaha ini dan hanya mahu Kerajaan Negeri menghentikan segera masalah banjir yang sering dihadapi.

"Jadi, saya yakin sekiranya Kerajaan Negeri Pulau Pinang mampu menangani masalah banjir...oh ya dan lalu lintas di negeri ini, saya yakin matlamat visi *Penang2030* telah direalisasikan," kata Keng Fatt, seorang editor yang berusia 57 tahun.